

Sejarah Perkembangan Undang-undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah Sebelum Penjajahan British¹

Azman Isa

Pengenalan

Negeri Kedah, seperti negeri-negeri Melayu yang lain, memiliki adat dan undang-undang adat bagi mengatur kehidupan bernegeri. Undang-undang adat yang terdapat di Kedah wujud dalam pelbagai versi. Versi terawal yang diterbitkan ialah *Undang-undang Kedah* Versi Winstedt. Versi ini paling popular dirujuk oleh para pengkaji ketika mengkaji dan menulis tentang pelbagai topik berkenaan dengan negeri Kedah. *Undang-undang Kedah* Versi Winstedt ini dimuatkan dalam *JMBRAS* pada tahun 1928.² Menurut Winstedt, manuskrip *Undang-undang Kedah* yang ditemuinya itu mengandungi lima bahagian iaitu:

1. Undang-undang Pelabuhan, bertarikh 1650 Masihi.
2. Tembera³ Dato' Seri Paduka Tuan, bertarikh 1078 Hijrah (1667 Masihi).
3. Hukum Kanun Dato' Kota Setar, tidak bertarikh.
4. Satu bab tentang Bunga Emas, dll.
5. Undang-undang, bertarikh 1199 Hijrah (1784 Masihi)⁴.

¹ Kertas kerja yang dibentangkan di "Wacana Warisan Kedah Darul Aman" anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Universiti Sains Malaysia pada 11 – 12 Mac 2009 di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Jalan Kolam Air, 05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

² R. O. Winstedt. "Kedah Laws" dlm. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. VI, Part II, Jun 1928, hal. 1-44. Undang-undang ini dinamakan *Undang-undang Kedah* Versi Winstedt selepas ini. Pendahuluan dan ringkasan tentang undang-undang ini terdapat di halaman 1 sehingga halaman 13 dan teks transliterasi ruminya di halaman 15 sehingga 44 dalam jurnal tersebut.

³ Tembera atau tambora berasal daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud tembaga yakni piagam atau undang-undang yang tertulis pada tembaga.

⁴ *Undang-undang Kedah Versi Winstedt*, hal. 1.

Hanya dua daripada lima bahagian undang-undang tersebut yang ada peruntukan tentang tanah iaitu bahagian kedua dan bahagian kelima. Bahagian kedua ialah ‘Tembera Dato’ Seri Paduka Tuan’ yang ditulis pada tahun 1078 Hijrah (1667 Masihi). Lihat bahagian pengenalan di bawah:

“Hijratun Nabi Sallallahu Alaihi Wa Sallam pada seribu tujuh puluh delapan tahun, tahun dal pada bulan Rabiul Awal hari Isnin zaman hazrat Maulana Syah Alam semayam di Kota Palas, pada ketika itu bahawa titah Syah Alam yang maha mulia pada segala pegawai yang tua-tua suruh perbuat undang-undang. Maka bicara oleh Dato’ Sri Paduka Tuan serta Menteri muafakat. Maka tatkala itu diperbuat undang-undang; sudah, lalu dimaklumkan. Maka titah yang maha mulia suruh nyatakan pada Tuan Shaikh Alauddin dan pada segala pendita: “Barang yang lazim pada hukum Allah taala, itulah kita suruh hukumkan pada Panglima negeri dan kweng⁵”. Maka mereka itulah jadi kepercayaan pada Raja.”⁶

Walaupun tidak terdapat nama sultan yang mengarahkan pembesar yang bergelar Dato’ Sri Paduka Tuan untuk menulis undang-undang tersebut tetapi berdasarkan tarikh 1078 Hijrah, nama sultan tersebut ialah Sultan Dhiauddin Mukarram Syah, Sultan Kedah ke-15 (1661M-1687M) yang pemerintahannya berpusat di Kota Indera Kayangan dalam negeri Perlis.⁷ Kandungan bahagian kedua *Undang-undang Kedah* membicarakan tentang kesalahan dan hukuman terhadap orang yang melakukan perbuatan yang dianggap jenayah dan dilarang oleh hukum syarak. Antara peraturan yang paling banyak dimuatkan ialah mengenai undang-undang pertanian dan penternakan. Terdapat juga peruntukan khusus yang berkaitan dengan persawahan. Peruntukan khusus ini membuktikan bahawa

⁵ Kweng bermaksud ketua kampung/penghulu.

⁶ *Undang-undang Kedah Versi Winsted*, hal. 27.

⁷ Kota Indera Kayangan terletak di negeri Perlis, menjadi pusat pentadbiran Kedah yang keenam (1664 M-1688 M). Perlis ketika itu adalah sebahagian dari negeri Kedah. Keterangan lanjut tentang Perlis sila lihat Julie Tang Su Chin. *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*, MBRAS, Monograph No.32., 2002.

sejak abad ke-7 lagi Kedah telah terkenal sebagai negeri ‘jelapang padi’⁸ bagi kawasan-kawasan sekitarnya.

Bahagian kelima *Undang-undang Kedah* pula telah dinamakan sebagai ‘Undang-undang, bertariikh 1199 Hijrah (1784M)’.⁹ Bahagian ini tidak menyebutkan dengan jelas tentang sultan yang mengarahkan penulisan tetapi daripada tarikh yang tercatat jelas menunjukkan bahawa undang-undang itu telah dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Syah.¹⁰ Bahagian permulaan *Undang-undang Kedah* dalam bahagian kelima ini menyatakan keadaan berikut:

“Daripada Hijrah Nabi sallallahu alaihi wasallam, seribu seratus sembilan puluh sembilan, iaitu tahun Ha, pada dua puluh delapan hari bulan Safar, hari Isnin, bahawa pada ketika itu maka adalah titah Yang Dipertuan Yang Maha Mulia ke atas jemala Datuk Bendahara menyuruh muafakat dengan segala pegawai mengaturkan segala adat pada fasal menyatakan aduran hamba Allah taala, Pertama, sahaya; dan kedua, merdeka; dan ketiga, tanah bendang; dan keempat, tanah kampung; dan kelima, tanah dusun; dan keenam, gajah; dan ketujuh, kerbau”¹¹

Menurut Siti Hawa Salleh, undang-undang bahagian ini berkaitan dengan harta benda kerana bahagian ini menumpukan perhatian khas kepada hamba sahaya, orang merdeheka, tanah bendang, tanah kampung, tanah dusun, gajah dan kerbau. Pada peringkat awal, tujuh daripada fasal yang dibentangkan dalam undang-undang ini dikatakan tergantung atau telah dipendamkan selama 30 tahun kerana tidak diterima

⁸ Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, “Hukum Kanun Kedah: Satu Penelitian Mengenai Hukum Kanun Dato’ Kota Setar” dlm. *Jawatankuasa Pensejarahan. Alor Setar 250 tahun*, Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990, hal. 57.

⁹ Lihat bahagian pengenalan oleh Winstedt dlm. *Undang-undang Kedah Versi Winstedt*, hal. 1.

¹⁰ Sultan Abdullah Mukarram Syah II memerintah Kedah pada tahun 1778M sehingga tahun 1797M.

¹¹ Lihat Mariyam Salim. *Undang-undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hal. 43. Selepas ini dikenali sebagai *Undang-undang Kedah Versi Mariyam Salim. Undang-undang Kedah Versi Winstedt* tidak memuatkan teks transliterasi bahagian kelima ini.

untuk dilaksanakan. Selepas kajian semula dilakukan pada peringkat menteri dan pegawai maka baharulah undang-undang itu diterima dan dilaksanakan.¹²

Mariyam Salim dari Dewan Bahasa dan Pustaka pula telah menyelenggarakan satu transliterasi sebuah manuskrip undang-undang yang dinamakan *Undang-undang Kedah*. Manuskrip yang ditransliterasi ini dinamakan sebagai *Undang-undang Kedah Versi Mariyam Salim* dan diterbitkan pada tahun 2005. Teks undang-undang yang ditransliterasi ini diperolehi daripada perpustakaan *School of Oriental and African Studies* (SOAS), University of London dengan nombor rujukan MS 40329, dalam bentuk mikrofilem.¹³ *Undang-undang Kedah Versi Mariyam Salim* ini belum digunakan secara meluas kerana ia baru sahaja diterbitkan dan berada di pasaran.

Versi ketiga undang-undang negeri Kedah yang akan diperkatakan ialah *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*. Versi ini sudah mula digunakan oleh para sarjana dalam kajian mereka walaupun penggunaannya tidak sehebat Versi Winstedt. Antara para sarjana yang telah merujuk kepada undang-undang ini dalam kajian mereka ialah Khoo Kay Jin (1991)¹⁴, Mahani Musa (2005 & 2006)¹⁵ dan Jelani Harun (2008).¹⁶ Akan tetapi Jelani Harun telah menamakan tajuk manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem

¹² Siti Hawa Salleh, "Unsur-unsur Islam dalam Undang-undang Kedah" dlm. *Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah & Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Islam di Kedah Darul Aman*, Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, 1996, hal. 18.

¹³ *Undang-undang Kedah Versi Mariyam Salim*

¹⁴ Khoo Kay Jin, "Undang-undang Kedah dengan Tumpuan Khusus kepada Pengawalan Hak Milik Tanah" dlm. *Jawatankuasa Kolokium, 1991. Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹⁵ Mahani Musa. *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005. Lihat juga Mahani Musa, "Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1311 Hijrah/1893 Masihi)" dlm. Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim. *Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

¹⁶ Jelani Harun. *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.

atau fotokopi ini sebagai ‘Undang-undang Adat Negeri Kedah’ dan manuskrip yang telah digunakan oleh Winstedt dan Mariyam Salim yang tersimpan di perpustakaan SOAS dinamakannya sebagai ‘Undang-undang Kedah’.¹⁷

*Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*¹⁸ ini adalah dalam bentuk mikrofilem dan fotokopi yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan bukan dalam bentuk manuskrip asal.¹⁹ Naskah ini disalin pada tahun 1311 Hijrah (1893 Masihi) dengan tumpuan kepada empat aspek, iaitu pentadbiran tanah, hubungan tuan mas dan orang berhutang, munakahat, perceraian dan pembahagian harta serta sumbang mahram. Pemilik asal naskah ini tidak diketahui, namun dipercayai undang-undang ini disalin untuk Ku Din Ku Meh atau nama sebenarnya Ku Baharuddin bin Ku Meh, yang dicatat dalam teks ini “ketuha penjara di dalam negeri Kedah dan ketuha di Merbok”.²⁰

Berdasarkan kepada tarikh penyusunan setiap bahagian *Undang-undang Kedah*, maka satu rumusan boleh dibuat bahawa undang-undang tersebut tidak dihasilkan secara sekali gus. Undang-undang yang terdapat di Kedah telah disusun mengikut keperluan semasa. Ekonomi Kedah pada peringkat awal kewujudannya sehingga pertengahan abad

¹⁷ *Ibid.*, lihat bab 6: Undang-undang Kedah: Bencana Kerbau Membawa Padah, hal.95-108 dan bab 11: Undang-undang Adat Negeri Kedah: Sumbang Mahram dan Laknat Allah, hal. 173-183

¹⁸ Ku Din Ku Meh lahir di Anak Bukit, Kedah pada tahun 1848. Mula berkhidmat sebagai Kerani di Penjara Alor Setar ketika berusia 14 tahun. Kerjayanya di Penjara Alor Setar terus meningkat sehingga menjawat jawatan selaku Penguasa Penjara. Pada tahun 1897, beliau telah dilantik oleh Sultan Abdul Hamid Halim Syah selaku Pesuruhjaya Tinggi di Setul (kini Satun), dan seterusnya selaku Gabenor Setul pada tahun 1900. Pada tahun 1902 beliau menyandang gelaran “Raja Setul” dengan menggunakan nama Tengku Baharuddin bin Tengku Meh. Beliau meninggal dunia pada tahun 1932 di Setul. Lihat *ibid.*, hal. 177-178.

¹⁹ Menurut Jelani Harun, beliau pernah bertemu dengan waris kepada Ku Din Ku Meh yang masih menyimpan naskah asal. Naskah berada dalam keadaan yang baik, berjilid dengan kadkod, tertulis dengan dakwat merah. Isi kandungannya adalah sama seperti salinan mikrofilem yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Lihat *ibid.*

²⁰ Mahani Musa, “Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1311 Hijrah/1893 Masihi)”, hal.250.

ke-17 lebih merupakan negeri yang berorientasikan perdagangan berbanding pertanian. Ekoran dari itu, undang-undang yang terawal disusun adalah undang-undang yang berkaitan dengan pelabuhan yakni tempat berlakunya transaksi perdagangan. Undang-undang yang seterusnya disusun adalah berkaitan dengan pertanian, khususnya persawahan dan juga penternakan. Undang-undang ini juga melibatkan hal ehwal tanah. Seterusnya barulah disusun undang-undang yang lain.

Bahagian terakhir *Undang-undang Kedah* memberikan tumpuan kepada undang-undang yang berkaitan dengan harta benda. Peruntukan yang terdapat dalam bahagian ini merupakan perulangan undang-undang dalam bahagian-bahagian yang terdahulu tetapi lebih tersusun dan terperinci. Tambahan dan penyesuaian yang dibuat seolah-olah memperlihatkan bahawa undang-undang itu sentiasa dalam perhatian raja dan pembesar untuk disusun dan dikemaskinikan.²¹ Akan tetapi undang-undang yang disusun ini tidaklah serupa seperti penyusunan undang-undang pada masa kini kerana fasal-fasal yang terdapat didalamnya bercampur dengan perkara-perkara yang tidak berkaitan antara satu sama lain.

Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh kelihatan lebih menyeluruh berbanding dengan versi-versi lain. Versi Ku Din Ku Meh ini seolah-olah merupakan satu kesepaduan undang-undang untuk kegunaan negeri Kedah yang telah dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Apatah lagi undang-undang versi ini juga telah

²¹ Siti Hawa Saleh, "Unsur-unsur Islam Undang-undang Kedah", hal. 18.

menyelitkan beberapa tarikh²² penyusunan hingga ke tarikh penyusunan undang-undang yang mutakhir yakni pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah.

Lihat fasal-fasal berikut:

Fasal 16:

“Maulana al-Sultan Abdullah Mukarram Syah²³ dengan segala wazir yang hadir pada masa itu ...”

Fasal 17:

“Pada zaman Marhum Kayangan Paduka Seri Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Syah ...”²⁴

Penyusunan undang-undang adalah arahan dari pihak raja. Arahan penyusunan undang-undang ini menjelaskan hakikat bahawa undang-undang ini sudah wujud dalam bentuk lisan. Penyusunan undang-undang ini perlu dilakukan dalam bentuk yang boleh dirujuk oleh semua pihak khususnya hakim bagi menjalankan urusan kehakimanya. Sungguhpun penggubalan undang-undang ini bukan melalui dewan perundangan seperti yang wujud pada hari ini beserta dengan pelbagai kelemahan yang lain tetapi kewujudan undang-undang ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang bertamadun kerana peraturan dan undang-undang yang mengawal kehidupan bermasyarakat sudah wujud. Kritikan yang dilemparkan terhadap kewujudan undang-undang ini adalah tidak adil jika di ukur dengan nilai-nilai yang ada pada hari ini. Proses pembentukan undang-undang sebegini juga muncul di barat sebelum undang-undang tersebut mengalami perubahan dalam bentuk yang diterima pada hari ini.

²² Tarikh penyusunannya tidak secara berturutan.

²³ Sultan Abdullah Mukarram Syah II memerintah negeri Kedah dari tahun 1778 Masihi hingga tahun 1797 Masihi.

Memang benar bahawa pihak berkuasa pada ketika itu boleh membatalkan atau melanggar undang-undang yang telah digubal akan tetapi tindakan yang berterusan sebegini akan melemahkan kerajaan itu sendiri. Pemerintah memerlukan bantuan pembesar-pembesar untuk melicinkan pentadbirannya yang diibaratkan sebagai pihak ‘eksekutif’ pada hari ini. Malahan penggubalan undang-undang ini adalah hasil usaha sekelompok pembesar yang arif yang boleh diibaratkan sebagai sebuah dewan ‘legislatif’. Proses penambahbaikan undang-undang yang berterusan dalam undang-undang Melayu lama ini juga adalah sama seperti penambahbaikan peruntukan yang wujud dalam proses penggubalan undang-undang semasa kerana setiap undang-undang lama perlu diubahsuai mengikut keperluan terkini. Kritikan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan pelanggaran undang-undang oleh pihak berkuasa yang terdapat dalam undang-undang Melayu lama juga wujud pada hari ini. Oleh itu, kritikan-kritikan yang muncul terhadap kewujudan undang-undang Melayu lama ini adalah tidak berasas sama sekali.²⁵

Undang-Undang Adat dan Tanah

Bagi melihat peruntukan yang berkaitan dengan tanah, kajian ini menggunakan *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh* kerana versi ini memberikan lebih tumpuan kepada pertanian yang juga menfokuskan kepada persoalan tanah berbanding dengan versi-versi yang lain. Lagipun salinan manuskrip versi ini disalin pada tarikh yang terkemudian

²⁵ Lihat kritikan oleh R. O. Winstedt. *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hal. 167. Lihat juga rencana Khoo Kay Jin, “Undang-undang Kedah dengan Tumpuan Khusus kepada Pengawalan Hak Milik Tanah”, hal. 56-86.

berbanding dengan versi-versi lain dan Kedah pada ketika itu sudah berada pada zaman awal pemodenan. Manuskrip ini disalin pada tahun 1311 Hijrah bersamaan dengan 1893 Masihi. Keseluruhan salinan manuskrip *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh* terdiri daripada 194 halaman.

Halaman pertama manuskrip memuatkan ‘senarai fasal’ yang terdiri daripada 40 fasal dan halaman seterusnya sehingga halaman 151 adalah isi kandungan kepada 40 fasal tersebut. Pada bahagian akhir halaman 151 sehingga halaman 165, dimuatkan pula fasal-fasal yang diambil daripada *Undang-undang Laut Melaka*. Halaman seterusnya iaitu dari halaman 166 hingga halaman 193 dimuatkan tentang *Undang-undang Nobat* dan salinan lesen bijih timah yang bertarikh 1 Rabiulawal, 1303H (8 Disember, 1885M). Halaman 194 adalah senarai Sultan Kedah seramai 17 orang yang bermula dengan nama Sultan Muhammad Syah dan berakhir dengan nama Sultan Abdul Hamid Halim Syah.

Isi kandungan undang-undang daripada 40 fasal ini, pada umumnya adalah berkaitan dengan tanggungjawab raja dan menteri, pantang larang dan tanggungjawab anggota masyarakat, hukuman terhadap kesalahan jenayah dan kesalahan awam, undang-undang keluarga, ekonomi dan muamalat. Bidang muamalat paling banyak memperuntukkan hal-hal yang berkaitan dengan tanah. Ringkasan fasal-fasal adalah seperti berikut:

1. Syarat orang yang menjadi raja.
2. Syarat orang yang menjadi menteri.
3. Fasal alat pegangan menteri.
4. Fasal hukum adat yang ditentukan.

5. Fasal hukum perselisihan berbunuh-bunuhan.
6. Fasal hukum perbantahan laki-laki perempuan.
7. Fasal hukum angkara durhaka selama-lama adanya.
8. Fasal hukum pencuri, penyamun, perliat harta orang.
9. Fasal bertengkar kampung rumah orang-orang.
10. Fasal berdusta menjual dusta demikian adanya.
11. Fasal membayar orang berhutang taruh selama-lamanya.
12. Fasal melarikan hamba orang atau tunangan orang.
13. Fasal meminjam orang atau hamba orang atau berhutang orang.
14. Fasal sewa binatang empat kaki atau dua kaki.
15. Fasal perintah mengupah orang ambilan di dalamnya.
16. Fasal berkahwin nikah-nikahan.
17. Fasal daka (durhaka ?) dengan larangan raja.
- 18. Fasal tanah isi negeri.**
- 19. Fasal bendang isi negeri.**
- 20. Fasal perselisihan orang berbendang.**
- 21. Fasal orang berhuma padang hutan.**
- 22. Fasal orang berdusun-dusun kampung adanya.**
- 23. Fasal orang berkedai barang dagangan.**
- 24. Fasal sewa atau pajak berpajak demikian adanya.**
- 25. Fasal berjual kampung bendang dusun-dusun.**
26. Fasal perniagaan jual beli pada barang dagangan.
27. Fasal hasil atas rakyat dan kerajaan.
28. Fasal hasil bungan emas atas segala menteri.
29. Fasal menyambut surat-surat hendaklah dimuafakat baik.
30. Fasal istemi tiap-tiap mukim isi negeri.
31. Fasal merdeheka hamba-hamba sahaya orangnya.
32. Fasal orang berkedai jual beli dalam pecan pesara.
33. Fasal orang sewa perahu besar kecil adanya.
34. Fasal sewa senjata orang-orang adanya.
35. Fasal mengambil upah membela gajah.

36. Fasal sambut surat bersama bunga emas ke Siam.
37. Fasal orang menyambut modal pergi berniaga.
38. Fasal orang menaruh kelung gajah atau kerbau lembu.
39. Fasal orang mencari karang-karangan.
40. Fasal surat kiriman puji-pujian surat.²⁶

Fasal-fasal yang berkaitan dengan tanah dalam *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh* ialah 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24 dan 25. **Fasal 18** menumpukan kepada proses pemugaran dan mendapatkan status hak milik tanah. Fasal ini merupakan fasal terawal yang berkaitan dengan tanah dan fasal ini menjelaskan bahawa tanah adalah hak Allah dan raja diberi hak milik terhadap tanah. Fasal ini memperakui bahawa rakyat boleh mengusahakan tanah raja dan hasil sahaja yang akan menjadi hak miliknya. Lihat permulaan Fasal 18 yang tertera kenyataan berikut:

“Adapun segala bumi dalam alam dunia ini bumi Allah Subhanahuwataala tiada siapa boleh miliki melainkan **tanah atas tiap-tiap tempat itu jadi milik raja** yang memerintah tempat-tempat itu. Barang siapa daripada hamba Allah Taala yang dikurnia raja beri duduk buat kampung dan dusun dan bendang bolehlah masing tebas tebang persucikan tanah-tanah itu duduk buat bertanam tanaman akan jadi makanannya. **Barang diusaha sucikan itu jadi milik ialah dengan segala tanam-tanaman dalamnya itu tiada boleh ia hendak milik akan tanah itu** kerana tanah itu tertentu tanah raja sehingga suci dengan tanaman dalamnya itulah miliknya tiada boleh yang lain mengambil dia, ertinya jika habis binasa tanaman dalamnya dan habis binasa cucunya ertinya jadi hutan belukar lucutlah serah daripadanya pulang tanah itu jadi milik raja. Jadilah dikata tiada siapa boleh milik tanah. Jika ada dapat tanah itu jadi miliknya, jika jadi hutan rimba beberapa zaman pun tiadalah boleh lucut daripadanya, dengan sebab itulah dikata segala tanah itu milik raja, sekadar segala alamat amarat²⁷ suci dan tanaman itulah yang bertuan.”²⁸

Fasal 18 seterusnya menempelak pihak yang mendakwa bahawa tanah yang diusahakannya adalah miliknya. Bahagian ini menegaskan sekali lagi bahawa semua

²⁶ *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 1.

²⁷ Amarat bermaksud tanda.

²⁸ *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 55.

tanah adalah milik raja walaupun setiap bidang tanah itu telah diberi ‘ampun kurnia’ oleh raja. Penerima ‘ampun kurnia’ atau rakyat boleh menggunakan tanah mencari kehidupan dan juga menjual hak penggunaan tanah akan tetapi hak kepunyaan tanah tetap pada raja. Jika tanah tersebut tidak diusahakan lagi maka tanah tersebut akan dikembalikan kepada pemiliknya yakni raja. Lihat keterangan berikut:

“Yang dikata “tanah si anu”, itu salah katanya, tiada tahu bertutur orang itu, tiada tahu bahasa, yang layak disebut itu dengan kata “ini bendang siapa” dan “ini kampung siapa” “ini dusun sianu”, itulah sebenar-benar perkataan. **Segala-gala tiada patut ia berkata “ini tanah sianu”.** Jika tanah itu pemberian ampun kurnia raja akan dia sekalipun, tiada juga patut dikata tanah dia kerana tiap-tiap yang raja kurnia jadi ‘pemberian’ atau ‘penjualan’. Sekalipun ada tersebut didalam titah raja itu mengatakan tanah kami pada tempat-tempat anu itu kami beri akan sianu atau kami jual akan sianu sekian-sekian banyaknya akan jadi **tempat ia buat lapik duduk atau lapik buat makan.** Bukankah kita terkhusus diberi atau dijual itu akan tempat ia buat lapik duduk dan lapik buat makan. **Apakala ditinggalkan tiada ia duduk dan tiada ia bertanam makan, lucutlah sudah ‘pemberian’ atau ‘penjualan’ itu, kembali balik benda itu kepada empunya dia.**”²⁹

Fasal 18 juga menegaskan bahawa raja itu merupakan bayangan Allah di muka bumi. Penegasan dalam ungkapan ‘raja itu merupakan bayangan Allah’ telah mewajarkan hak memiliki tanah terletak pada raja. Tambahan pula masyarakat Melayu pada masa itu berkemungkinan besar masih belum memahami tentang konsep ‘harta alih’ dan ‘harta tak alih’. Lihat keterangan berikut:

“... fikirkan olehmu tatkala dikata “tanah itu milik sianu” adakah dapat ia ubahkan tanah itu bawa ke tempat lain kerana tiap-tiap milik itu boleh perintahkan yang empunyanya milik ikut sekehendak hatinya itulah yang bernama miliknya. Bukankah sudah tersebut perkataan “milik sianu itu” tertentu kepada milik raja kerana yang dikatakan **raja itu bayang-bayang Allah Taala.** Sebab dikatakan ia bayang-bayang Allah Taala kehendaknya berlaku atas sedapatnya daripada banyak atau sedikit jadilah boleh dikata akan dia daripada barang-barang perkaranya tiada memberi janggal dan di situ jadi layak belaka kepadanya.”³⁰

²⁹ *Ibid.*, hal. 55-56.

³⁰ *Ibid.*, hal. 56.

Rakyat digalakkan berusaha bersungguh-sungguh mengerjakan tanah yang dikuniakan raja walaupun tanah tersebut tidak akan menjadi hak milik mereka. Raja wajar menyayangi rakyat dengan tidak sewenang-wenang mengambil balik tanah yang diberikan kepada rakyat. Raja terikat dengan peraturan tertentu seperti yang dinyatakan dalam perenggan berikut:

“Sungguhpun demikian jangan pula disangkakan jika sudah tentu tetap milik raja tiadalah guna bersusah dan berlelah atas milik orang, hari ia berkehendak habis diambilnya, salah fikir itu dengan sebab itulah **sudah dibinakan pada bab yang pertama dinyatakan syarat orang yang hendak dirajakan**³¹ itu tiada boleh melanggar adat yang telah diadatkannya itu bukannya sudah khusus dalamnya perkataan itu habis terhukum sekalian perkaranya menolak was-was hati daripada bersangka akan sebarang sia-sia datang daripadanya sepatut-patut diiktikadkan yang bernama raja itu sebanjar dengan ibu kita segala-gala tiada patut ia mendatangkan aniaya atas segala rakyat isi negerinya kerana dengan rakyat juga jadi ia ternama raja jadi banyak kasih sayangnya atas segala rakyatnya seperti kasih kegemaran dan kesayangan anaknya tiada berbeza lagi tiada kesukaan dan keredhaannya memberi teraniaya rakyatnya dan memberi kesusahan dan kesakitan dengan beberapa daya upayanya dipebela pelihara tiada memadai dengan dirinya seorang ...”³²

Rakyat diingatkan supaya tidak bertelingkah untuk mendapatkan tanah. Pertikaian merebut tanah akan merugikan diri mereka sendiri dan menyusahkan raja. Pertikaian ini boleh menyebabkan mereka dikenakan hukuman denda dan dera.

“Wajib atas sekalian rakyat beriktikad demikian sehabis-habis daya upaya melepaskan daripada segala perbantahan sama sendiri iaitulah sebesar-besar menyusah hati rajanya. Sebarang pekerjaannya mahulah seisi negeri itu fikirkan baik-baik. Jika ada pekerjaan perbantahan sama sendirinya janganlah dikerjakan. Jika ada pekerjaan yang memberi kesakitan dan kesusahan atau kerugian pada sama sendirinya pun janganlah dikerjakan. Jika ada kerjanya yang beroleh kesakitan, kesusahan, kerugian itu tak dapat tiada mengadulah lerai pada rajanya. Jadi susahlah hati raja membicarakan pada jalan membaiki engkau kedua memberi sama jangan teraniaya dan jangan kesakitan kerugian. Alangkah gaduh hati raja kamu, hai! segala yang berakal, pilih olehmu dengan fikir yang sempurna, jangan engkau turut nafsu syaitan. Cari jalan yang melepaskan daripada segala perselisihan supaya engkau mendapat senang sentosa didunia lalu ke akhirat. Jika engkau turut nafsu syaitan, buat pekerjaan perselisihan sama sendiri kamu banyak, amat memberi fadhilat atas kamu. Pertama menyusahkan

³¹ Lihat Fasal 1 *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, “Syarat orang yang menjadi raja”

³² *Ibid.*, hal. 56-57.

hati raja kamu itupun besar derhaka atas kamu dan menyusahkan merugikan sama sendiri kamu itupun amat tiada baik. Tatkala disuruh raja periksa selesaikan itupun beberapa pula memberi kesusahan dan kerugian belanja kamu. Tambahan ketewasan kamu beberapa pula kena atas kamu membayar dan beberapa pula datang hukum atas kamu daripada denda dan dera berbagai-bagai jenis sementelahnya Tuhan Rabul A'lamin pun engkau mendapat murka dan balanya.”³³

Bagi mengelakkan pertikaian sesama rakyat, rakyat digalakkan untuk mendapatkan bukti hak milik (surat putus) supaya hak menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh sesiapa. Pemilikan surat putus akan menjadi bukti kukuh hak seseorang terhadap sesuatu bidang tanah itu.

“Tanah raja yang engkau usaha tebas tebang persuci buat kampung dan dusun dan bendang huma itu, hendaklah engkau pergi mengadap raja dengan membawa persembahan atas barang yang engkau dapat. Engkau pohonkan pada raja tanah usaha engkau itu diampuni raja akan engkau tiada raja menaruh tamak bakhil atas engkau. Maka hendaklah engkau pohon alamat surat titah dengan cop menteri raja, tanda menunai kurnia akan engkau, supaya lepaslah perkara itu daripada direbut oleh orang yang kurang akal ber’adawat³⁴ dengan engkau, memberi kesusahan atas engkau dengan sebab ini. Ditilik raja, jalan ini hendak menjadi banyak perselisihan atas engkau sekalian. Maka diikhtiar oleh raja hendak perlepaskan daripada perbuatan dan perselisihan segala perkara ini. Diadakan atas isi negerinya, atas segala tanahnya, barang tanah yang diusaha oleh rakyatnya tebas tebang persuci, jadikan kampung dan dusun dan bendang huma itu diberi harapan, disuruh **sukat** tentukan banyaknya dengan had hingga perenggannya, diambil harga itu sepatut pada barang. Orang yang tiada bersurat putus disuruh perbuat surat putus, beri yang empunya usaha pegang simpan taruh baik-baik tatkala itu tiadalah jadi berebut-rebutan.”³⁵

Tanah yang dipohon kepada raja, perlu dibayar harga tanah (*premium*). Lihat keterangan berikut:

“Maka harga tanah itu pun dibubuh dengan harga yang amat serupa iaitu tanah yang di dalam negeri tempat kampung rumah segala orang harganya pada serelong tanah enam emas. Jika tanah hampir negeri jadi kampung dan bendang harganya pada serelong empat emas. Jika tanah yang jauh sedikit daripada negeri ertinya yang perjalanan sekerat hari harganya pada serelong dua emas. Jika tanah yang jauh iaitu sehari perjalanan harganya pada serelong seemas. Jika tanah pinggir negeri tanah hutan padang namanya jauh daripada negeri harganya pada

³³ *Ibid.*, hal. 57-58.

³⁴ Ber’adawat bermaksud permusuhan atau benci.

³⁵ *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 58-59.

serelong dua kupang. Demikianlah diadatkan atas segala isi negeri dengan segala jajahan.”³⁶

Belanja bagi memproses pengeluaran ‘surat putus’ perlu dibayar oleh pemohon kepada pihak yang terlibat dalam memproses permohonan tersebut.

“Akan hasil perbuat surat putus itu; pertama-tama belanja akan hakim yang menyurat dengan harga kertas dakwat dan kelelahan ia menyurat itu pada suatu surat putus seemas. Jika banyak dikit tanahnya pun tiadalah dikirakan sampai seemas. Itulah kena beri akan dia. Dan nazar raja menurunkan menteri dalam surat itu pun seemas juga pada suatu surat putus, tiada lebih lagi. Jika ada berkehendak hendak pohonkan cop memelekat raja maulah disembahkan nazarnya empat emas. Jika turun cop bendahara dalam surat ini mau disembahkan pada bendahara dua kupang. Jika hendak perbanyakkan cop menteri yang lain maulah beri sekupang pada suatu cop demikianlah diadatkan.”³⁷

Para pegawai istana diarahkan supaya menjalankan pemeriksaan terhadap tanah yang diusahakan oleh rakyat secara berkala.

“Pada tiap-tiap enam tahun sekali raja memberi harapan pergi siasat periksa pada segala daerahnya barang yang tiada bersurat putus atas bendangnya atau dusunnya atau kampungnya diambil harga tanah itu diadakan beri surat putus akan dia menetapkan bendang atau dusun atau kampung itu miliknya sampai ke anak cucunya”³⁸

Tanah juga boleh dijualbeli. Tuan punya tanah yang baru perlu mendapatkan surat putus yang lain kerana surat putus yang lama terbatal dengan sendirinya.

“Jika bendang kampung dusun yang sudah disembahkan harga pada raja atau dibeli pada orang yang sudah tetap kurnia raja akan orang berjual, kebiasaan surat putusnya hendak dipohonkan lain. Tiada kena harga atasnya melainkan belanja seperti yang tersebut itu juga kena atasnya serta dengan belanja akan yang pergi menjajak tarah itu. Syaratnya, dikehendaki saksi yang mengetahui tanah itu sudah raja ampun kurnia akan dia surat putus dan mengetahui had hingga banyak tanahnya dan perenggannya, didapatlah surat putus ganti surat putus yang binasa itu. Demikian lagi jika *khivadha*’ bendang kampung dusun itu padanya sampai tiga puluh tahun tiadalah apa soalnya lagi jika tanah itu ada

³⁶ *Ibid.*, hal.59.

³⁷ *Ibid.*, hal.59.

³⁸ *Ibid.*, hal.59.

dengan tuannya dan ada dengan surat putus sekalipun tiadalah boleh membatalkan *khibadha*' ini tetap pada ialah selama-lamanya.”³⁹

Sesiapa yang memugar sebidang tanah maka tanah tersebut menjadi miliknya dan orang lain tidak boleh memugar tanah berhampiran dengan tanahnya tanpa kebenaran.

“Dan jika ada seseorang mempugar suatu tanah akan diperbuat kampung atau dusun atau bendang, di dalam ia duduk itu tiadalah boleh yang lain pergi pugar hampir-hampir dia, ertinya tumpu tanah itu disebelah kepala kaki dan rusuk kiri kanannya dengan tiada keredhaan orang yang memugar dahulu itu kerana hukum ia empunya juga kerana di dalam ia duduk bekerja. Jika barang siapa gagah pugar ambil diadunya pada hakim mahu hakim suruh pulangkan tanah tumpunya itu padanya dan disuruh ia bayar kelelahan orang yang bekerja itu ikut patutnya kerana ia dahulu mempugar itu. Adapun jika tanah itu sudah ada bekas limbasan orang lain gagah ambil tiadalah kena ia ganti kelelahan kerana hukum ia berbuat kekerasan kerana tiap-tiap tumpunya tanah itu ia empunya mahulah dengan benarnya. Di dalam itu jika berhenti ia daripada mempugar sebanyak pugaran yang sudah itu sahaja dikerjakannya, tiadalah taksir atas orang yang mempugar kemudian daripadanya. Bermula jika sama berpugar ada tinggal antara keduanya sedikit tanah yang tiada berpugar, jika salah seorang hendak pugar tiadalah boleh dihabiskan melainkan dengan benar dan keredhaan yang sama kerana tanah itu mahu berbahagi dua sama banyak. Jika salah pugar perhabiskan beri tumpu kepadanya tatkala dituntut kenalah bahagi beri akan dia sebahagi kadar belanja kelelahan itu mahulah ia bayar ikut sepatutnya.”⁴⁰

Pertikaian berhubung dengan pemugaran tanah yang berhampiran, diselesaikan dengan cara berikut:

“Bermula jika dipinta pada sama tumpunya, hendak dipugar tanah yang tinggal, ia tiada mahu pugar beri habis jadi banyak bahaya berlindung di tempat itu tiada mahu dibenarkan ia pun tiada mahu sucikan, diadu pada ketuha daerah itu. Patut ketuha itu memberati atasnya suruh sucikan ambil tanah tumpunya dalam suatu musim. Jika sedikitpun tiada disucikan dalam musim itu taksirlah atasnya bolehlah dibenarkan sama tumpunya itu menyuci ambikan dia. Tiadalah diterima aduan orang itu kerana sudah dengan setahu orang bekerja.”⁴¹

³⁹ *Ibid.*, hal. 59-60.

⁴⁰ *Ibid.*, hal. 60.

⁴¹ *Ibid.*.

Hak kepunyaan seseorang ke atas sebidang tanah wujud jika tanah itu mempunyai tanda-tanda yang mengesahkan tanah itu telah dikerjakan. Pertikaian berhubung dengan pemugaran tanah itu diselesaikan dengan mengambil kira persoalan ‘amarat’.

“Bermula yang demikian ini, jika dengan kata tuha yang berhampiran dengan dia pun padalah serupalah dengan kata orang bekerja kerana pekerjaan jauh daripada orang bekerja terlebih *afdhal* pula aturan tuha muda itu tiada patut ditolakkan. Syahdan jika sama tumpu itu salah seorang meninggalkan tanah usahanya tiada dikerjakan sesuatu bolehlah yang tumpunya itu persuci ambil akan dia tanah yang tiada suci lagi itu. Jika diadakan yang sama tumpunya hal ini tiadalah diterima aduannya sebab ia tinggalkan. Jika ia kata diambil langsung termasuk ke dalam tanah yang sudah disucikan patut diberi tuha muda atau harapan daripada kweng tandil pergi tatap jika ada nyata tampak amarat dahulu dengan yang baharu disucikan itu disuruh pulangkan. Jika tiada tampak diterima aduan itu kerana taksir atasnya meninggalkan itu.”⁴²

Tanah yang tidak dikerjakan kembali menjadi milik raja akan tetapi tertakluk kepada jumlah musim yang ditinggalkan.

“Jika ditinggalkan itu sampai dua musim, tanah itu pulang jadi milik raja kerana tanah baharu dalam berpugar. Jika tanah sudah rab jadi bendang tetap amarat batasnya dan perenggannya dikehendak tiga musim ditinggalkan baharu jadi kembali kepada raja kerana tanah baharu pugar itu di dalam dua musim menjadi belukar besarlah segala kayu dan rumput dalamnya. Jika tanah yang sudah rab kenalah tiga akan menjadi setemu, bolehlah barang siapa berkehendak pohonkan pada raja atau pada orang bekerja negeri kerjakan tanah itu. Di dalam ini, jika tanah itu sudah ada surat putus kurnia raja akan dia tiadalah boleh orang lain mengerjakan lagi kerana tiap-tiap tanah yang belum rab baik itu tiada menjadi surat putus lagi dengan sebab sudah ada surat putus itu.”⁴³

Sekiranya tanah yang dikerjakan itu ditinggalkan selama tiga musim, tanah tersebut kembali menjadi hak raja. Akan tetapi pemilik asal masih boleh mendapatkan kembali tanahnya dengan membuat permohonan baru dan akan mendapat surat putus yang baru.

“Jika dua musim ditinggalkan, tiada dikerja patut dipanggil tuan yang empunya usaha itu. Jika ia pergi pada ketuha tempat itu mahulah dinyatakan padanya. Jika tiada dikerjakan musim yang ketiga itu tiadalah ia mendapat tanah itu. Di dalam sudah dinyatakan itupun, jika tiada dikerjakannya, lucutlah daripadanya usahanya

⁴² *Ibid.*, hal. 60-61.

⁴³ *Ibid.*, hal. 61.

itu, pulang jadi milik raja. Jika hendak balik kerjakan, usanglah surat putus itu mahulah disembahkan harganya ambil surat putus lain.”⁴⁴

Sungguhpun begitu, terdapat kekecualian yang membolehkan tanah tetap menjadi kepunyaan pemilik asal tanpa perlu membuat permohonan baru.

“Jika tanah rab yang sampai tiga tahun, balik yang empunya usaha yang dimenaroh surat putus membawa uzur mengadu hal dirinya sebab sesuatu jadi tertinggal lama, dibenarkanlah akan dia mengerjakan tanah usahanya itu, tiadalah usang batal surat putusnya. Di dalam antara ini, jika sudah terbenarkan orang lain sudah dikerjanya sedikit-sedikitpun, di suruh pulangkan juga kepada empunya dia sekadar belanja kelelahan kerja mereka yang kemudian itu disuruh ia ganti. Demikianlah diadatkan hendak memberi kesenangan atas segala rakyat isi negeri.”⁴⁵

Jika tanah yang dipugar itu telah ditinggalkan oleh seseorang akan tetapi kemudian telah diusahakan oleh orang lain maka hakim akan menasihatkan supaya tanah tersebut dibahagi dua, sekiranya diadu oleh pemugar asal. Akan tetapi peraturan lain akan diambil, jika penyelesaian awal ini tidak diterima.

“Sebermula jika ada seorang mempugar suatu tanah akan berbuat kampung atau dusun atau bendang sebelum rab baik tanah itu ditinggalkan maka orang lain pula pergi menyucikan dia. Maka datang adu yang mempugar dahulu mengatakan tanah ia pugar tiada sempat rab keputus belanja, ia pergi mencari orang lain mengambil tanah usahanya maka yang demikian patut hakim panggil keduanya, beri nasihat perbahagikan tanah itu seorang sebahagi. Jika ia kabul, keduanya tiadalah kena kelelahan atas seorang pun kerana sama sudah bersusah. Dalamnya, jika tiada dikabulkan kenalah yang kerja kemudian pulangkan tanah itu pada yang bekerja dahulu melainkan barang patut kelelahan itu patut dibayar akan dia sebahagi tiada kena sepenuhnya kerana tiada habis syarat ia pergi tindih atas kerja orang.”⁴⁶

Kerja pemugaran tanah yang tidak selesai oleh seseorang tetapi kemudian diselesaikan oleh orang lain berkemungkinan boleh menimbulkan perbalahan. Perbalahan tersebut diselesaikan melalui undang-undang berikut:

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 61-62

“Jika seorang mempugar suatu tanah dalam sebahagi kerja datang sesuatu uzur atasnya atau sahaja diberi akan orang lain menyucikan tolong ia, maka disucikan oleh orang itu semusim padanya. Jika yang menyucikan itu menghendaki kelelahan ia menyucikan itu kenalah yang mempugar dahulu itu beri akan dia sepenuh kelelahannya itu iaitu sebahagi daripada yang sepatutnya. Jika sampai dua musim, terduduk pada orang yang menyuci kemudian itu tiadalah kena orang yang mempugar dahulu beri kelelahan disucikan oleh orang yang kemudian itu kerana faedah yang didapat pada tanaman atas bekas pugaran dua musim itulah akan jadi belanja kelelahannya itu. Jika lebih daripada dua musim pun, jika tiada dituntut oleh yang mula pugar, tiadalah kena suatupun atas keduanya. Jika lepas dua tahun dituntut oleh yang mula pugar, tiada diberi oleh yang menyuci kemudian dikehendak belanja kelelahannya, lalu sampai tiga musim baharu sampai kepada hakim. Patut disuruh hakim bayar akan orang yang mula pugar itu sewa tanah itu semusim ikut patut sewa tanah rab di daerah itu.”⁴⁷

Pertikaian ‘usahasama’ atau ‘perkongsian’ pemugaran tanah diselesaikan melalui kaedah berikut:

“Bermula jika muafakat dua orang atau tiga orang pergi pugar suatu tanah, tiada diperbahagikan masing-masing bahagian, dikerjakan sama-sama kehendaknya tatkala sudah suci baharu hendak berbahagi dikerjakan sama-sama. Sampai sebahagi kerja salah seorang uzur daripada sakit demam atau sebarangnya tiadalah ia pergi persudahkan tanah itu, kawannya seorang dua itulah bekerja menyucikan tanah itu. Sampai dua musim pergilah yang uzur itu menuntut tanah itu bahaginya atau kelelahan selama ia bekerja sama, tiada diberi oleh kawannya dikehendak kelelahannya ia menyucikan itu. Tatkala diadunya kenalah dibahagi dua atau tiga ikut sebanyak orang itu sama banyak boleh akan yang uzur itu sebahagi tiada kena ia berbayar kelelahan menyucikan faedah yang didapat dalam dua musim itulah akan ganti kelelahan itu dan jika ada terlebih daripada dua musim beberapa lama terduduk pada kawan sama bekerja itupun tiadalah didapat orang yang uzur itu sewanya sehingga tanah itulah dapat akan dia suatu bahagian.”⁴⁸

Fasal 18 diakhiri dengan penegasan bahawa ‘tanah adalah hak mutlak raja’ dan ‘segala khazanah’ yang terkandung dalam tanah perlu diserahkan kepada raja. Raja pula terikat dengan peraturan pembahagian seperti berikut.

“Jika ada barang siapa-siapa mendapat sesuatu di dalam tanah daripada bendaharanya, banyak atau sedikit hendaklah bawa persembahan pada raja dengan betul benarnya jangan diperbuat *‘illat* atas perkara itu kerana tanah itu tanah raja barang yang sedia ada dalamnya mahulah dipulangkan pada raja. Jika dibunyikan atau diperbuat *‘illat* ertinya dibahaginya ambil setengah-setengah,

⁴⁷ *Ibid.*, hal. 62.

⁴⁸ *Ibid.*, hal. 62-63.

derhakalah namanya. Apakala timbul pekerjaan itu beroleh susahlah atas mereka itu didatangkan periksa dengan disakiti dan kena siasat atas segala tempat simpanan. Jika dibawa sembahkan pada raja dengan betul benarnya ia mendapat anugerah raja akan dia bahagi enam sebahagi kerana tiap harta yang diperoleh demikian itu raja mahu berbahagi dengan Allah Subhanahuwataala, dengan bahagi dua sama banyak kerana dalam tanah yang didapat itu. Maka tanah itu dua namanya, pertama bernama bumi yang bumi itu Allah Subhanahuwataala empunya dan kedua itu bernama tanah, yang tanah itu raja empunya. Jadikan dipatutkan bahagi dua sebahagi, akan Allah Subhanahuwataala sebahagi dan akan raja sebahagi, yang bahagian raja itu masukkan ke baitulmal jadi belanja negeri, yang bahagian Allah Taala itu dibahagi tiga, yang sebahagi diberi akan orang yang mendapat dia dan yang dua bahagi lagi itu dibahagikan pada segala fakir miskin barang yang ada dalam negeri ialah waris menerima bahagian itu. Demikianlah tiap perkara pendapatan yang sepertinya kiaskan ambillah atas barang yang ada demikian itu, tamatlah perbahagian harta syarikat Tuhan Rabula'lamin dengan hambanya yang dijadikan khalifah dikiaskan bumi menyelenggara dan memelihara segala hambanya yang banyak.”⁴⁹

Fasal 19 menumpukan peraturan ‘pengunaan tanah’ dan ‘perkara-perkara yang berkaitan dengan bendang’ secara terperinci. Fasal ini dimulakan dengan keperluan memiliki tanda hak milik yakni ‘surat putus’.

“Menyatakan perintah bendang dan perintah orang berbendang maka adalah segala tanah bendang itu tertentu ada masing-masing empunya dia tentu dengan had dan perengganannya serta ada masing-masing serah surat putus”⁵⁰.

Peraturan orang memelihara kerbau dan lembu pada waktu musim menyemai padi dinyatakan seperti berikut:

“Apakala hampir periam⁵¹ bendang segala tanah yang biasa berpagar hendaklah masing-masing pergi tetak kayu pagar atas secukupnya dan segala yang berkerbau mahulah masing-masing bawa kerbaunya ke padang besar melainkan kerbau lembu atas hendak kerja juga ditinggalkan dengan ditambat jangan masuk membinasakan semai orang yang di dalam pagar pada tempat yang berpagar. Jika kerbau siapa-siapa membelah pagar atau melompat pagar membinasakan semai orang kenalah berganti sampai atau berbayar harga akan tuan semai. Jika pada tempat semai kebiasaan selama tiada berpagar tiadalah ada kerbau pada tempat itu. Jika barang siapa membawa kerbau pada tempat itu tiada sempurna pebelanya terlepas masuk pergi binasakan semai orang taksirlah atas tuan kerbau itu kena denda atasnya sepaha serta dengan harga semai itu. Di dalam itu jika tuan semai tikam kerbau itu siang atau malam mati atau luka tiada ditaksir atasnya kerana sedia tempat tiada

⁴⁹ *Ibid.*, hal. 63.

⁵⁰ *Ibid.*, hal. 64.

⁵¹ Periam bermaksud musim.

berpagar ertinya tempat tiada pernah orang taruh kerbau lembu pada daerah itu. Jika pada tempat yang berpagar, jika kerbau belah pagar masuk malam membinasakan semainya, jika ditikam luka mati tiada ditaksir. Jika siang ditikamnya, jika luka yang tiada patut mematkan itulah menjadi harga semainya. Jika mati kerbau itu kena berbayar harga kerbau itu akan tuan kerbau dan tuan kerbau kena denda dua emas dengan harga semai. Demikian lagi jika tiada ditikam oleh tuan semai, ditangkapnya kerbau itu kena tuan kerbau tebus kerbaunya seemas serta dengan harga semai yang binasa itu maka harga semai dengan banyaknya itu ikut sepatut pada ikhtiar tuha-muda di daerah itu.”⁵²

Peraturan penjagaan kerbau dan lembu ketika padi sudah ditanam dalam bendang pula adalah seperti berikut:

“Sebermula apakala sudah semai segala tanah daerah itu padi pun sudah ditanam tiadalah dibenarkan seorang menaruh kerbau lembu di daerah itu mahulah dibawa ke padang serta tempat pebela segala kerbau lembu. Barang siapa tiada bawa andur kerbau lembunya ditaruh pebela itu, itulah bernama bangkai kerbau lembu. Jika duduk di luar pagar sekalipun tatkala berhampiran dengan bendang orang bangkai juga namanya kerana jika kerbau dalam pagar atau kerbau lembu yang di luar pagar masuk ke dalam bendang membinasakan padi orang baik malam baikpun siang. Jika ditikam tuan padi mati luka kerbau itu tiada ditaksir atasnya dan lagi jika luka sahaja kerbau itu tiada mati maka padi hamba Allah itu banyak rosak dimakan dan diiriknya kenalah harga padi sebanyak rosak itu. Tiada boleh hendak ditaksirkan perintah ditikam kerana jawabnya, “kami hendak masuk tangkap tiada berani itulah kami perlukan sedikit akan menentukan kerbau itulah masuk binasakan padi kami”. Jadilah kerbau itu lukapun yang harga padi kena berbayar sepenuhnya, sebanyak binasa itu, tiada akan menanti pulih padi itu barang yang sebenar rosak sahaja akan berbayar harganya. Kena berbayar kesemua padi yang diirik oleh kerbau lembu itu.. Tuan padilah membaiki tambah sulam ambil padinya. Tiada diterima tarik tuan kerbau hendak sulam ganti sepenuhnya kerana tatkala kebinasaan tanamannya sangat rosak hati yang empunya Jika padi itu pulihsekalipun pada waktu itu sangat rosak hatinya sebab kasihnya akan tanamannya serta didenda pula atas tuan kerbau sepeha ia melalui adat gagah ...kerbau lembunya tiada mahu pebela baik-baik.”⁵³

Pertikaian terhadap ‘kerosakan padi’ kerana perbuatan kerbau atau lembu perlu diselesaikan dengan kaedah berikut:

“Sebermula jika kerbau itu jadi jauh seperti kerbau-kerbau di daerah itu yang di bawa pergi taruh ke padang ia lari balik kerana palingnya disitu atau kerbau orang jajahan lain sahaja pecah kawan lari pergi demikian termasuk makan padi orang. Jika ditikam tuan padi mati sahaja tiada ditaksir atasnya. Jika kadar luka sedikit sebanyak kemudian ditangkap kerbau itu tambat taruh tatkala tuannya

⁵² *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 64.

⁵³ *Ibid.*, hal. 64-65.

pergi mengaku kerbau lembu dirinya kenalah ia tebus kelelahan orang menangkap dan pebela taruh. Selama dalam pebela itu ikut perintah pada tempat itu tetapi tiada diboleh lebih daripada dua kupang kelelahan menangkap dia dan pada sehari upah pebelanya kerana negeri pun tiada lebih daripada itu. Luka kerbau itu menjadi harga padi, tiadalah kena denda atasnya suatu pun. Jika tiada ditikam lukakan kenalah membayar harga padinya sebanyak yang binasa sahaja atas sepatut ikut ikhtiar tuha muda pada tempat itu. Jika mati kerbau lembu yang demikian dalam pebela tuan empunya padi diambil harimau atau sebarangnya tiadalah taksir atas tuan padi.”⁵⁴

Jika pertikaian tersebut sampai ke peringkat negeri, peraturan berikut akan mengambil tempat.

“Bermula segala perkara adat yang tersebut ini, jika barang siapa melalui tiada turut selesaikan pada ketuha tempat dan kweng tandil dibawa perkataan ini ke negeri kepada hakim maka didenda oleh hakim atas orang yang bersabit kepada taksir itu dengan denda setahil sepaha kerana taksir ia tiada menurut bicara berselesai pada tempatnya. Jadi bantahan namanya kerana yang bernama denda itu jika beberapa sekalipun tertentu harta raja seorangpun tiada dapat lindungi betapa berani disabitkan denda itu dan sekian-sekian banyaknya itu jika tiada dengan muafakat raja dan bendahara dengan segala menteri pegawai.”⁵⁵

Nilai taksiran ‘kerusakan padi’ ditentukan oleh pihak yang berkuasa.

“Maka harga pohon padi yang rosak binasa itu kepada zaman yang kemudian daripada seribu dua ratus tahun ini ada menteri pegawai Kedah menentukan harganya. Padi baharu pulih dan padi tengah memerdu dan padi tengah mengampar dan padi yang sudah terbit pada seperdu-seperdu sekian-sekian harganya. Termurah kepada padi yang sudah keluar sudah tentu hingganya dikirakan harga buah padi atas banyak perdu padi itu lagi akan datang bayannya⁵⁶ harga padi itu pada bab yang ketiga puluh sa.”⁵⁷

Prinsip ‘kekuatan’ atau ‘kekukuhan’ (syarat-syarat) sesuatu pagar itu menentukan pihak yang akan menanggung segala kerosakan yang dilakukan oleh binatang terhadap padi yang ditanam.

“Barang siapa yang tiada mahu pagar, taksir atasnya orang itu jika masuk kerbau atau sebarang ikut jalan yang tiada bermasuk itu kena atas tuan habuan pagar itu ganti kebinasaan itu tiada lepas daripadanya. Jika tanahnya dipawahkan atau

⁵⁴ *Ibid.*, hal. 65.

⁵⁵ *Ibid.*, hal. 65-66.

⁵⁶ Bayan bermaksud cerita.

⁵⁷ *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 66.

disewakan atau digadaikan kena atas orang yang mengerjakan bendang itulah memagar dia turut perbahagian itu. Jika dibelah oleh kerbau masuk makan ditatap tempat dibelah kerbau itu jika cukup syarat pagar lepaslah taksir daripadanya kena tuan kerbaulah ganti kebinasaan kerana nyata jahat kerbaunya. Jika tiada dicukup syarat pagar itu kenalah atas tuan yang empunya mengerjakan pagar itu ganti kebinasaan itu tiadalah kena atas tuan kerbau kerana binatang dengan makanannya digagahlah sedikit tiadalah patut ditaksirkan atasnya.”⁵⁸

Peraturan pengawalan air untuk orang berbandang adalah seperti berikut:

“Sebermula akan bandar air atas segala bendang itupun maulah segala yang berbandang daerah itu muafakat ikut barang patut tempat perbuat bandar. Maulah sama mengerjakan dia, tiadalah boleh orang yang di atas dan orang yang di bawah tiada mau mengerjakan sama. Jika ia bantah berbuat kekerasan tiada mau serta, boleh penghulu mukim kerasi suruh, itupun jika ia bantah, juga segala kerosakan dan kerugian itu kena atasnya. Demikian itu dikira akan apakala selesai ambil buah padi, boleh penghulu mukim ambil padinya... orang yang mengerjakan itu mencari dia upahan mengerjakan bandar air. Dan lagi barang siapa empunya bendang sebanyak hendak dilalukan bandar air itu tiadalah boleh ditahan, tiada mau beri gali tanah bendangnya, tiadalah dipakai oleh penghulu mukim dan kweng tandil itu. Dan lagi jika bendang itu memugar tanah lanjutnya lebih daripada dua belas relung maulah muafakat perbuat tandop yakni batas besar menahani air yang turun menurun bandar air itu beri lekat air itu sebanyak luasnya tengah-tengah setempat dan dikaknya setempat. Pada hal buka dan katub bandar air itu kena atas empunya tempat ... lagi jika tiada amfang bandar air membawa keluar air itu hendak menjadi kebinasaan padi bendang orang yang di atas dan di tengah mau kesemuanya memberi muafakat pilih tempat yang patut menyegerakan akan keluar air dibuka lepaskan.”⁵⁹

Keterangan lanjut tentang peraturan pengawalan air adalah seperti berikut:

“Pada waktu itu tiadalah seorang pun boleh berbuat bantahan. Jika barang siapa tanah yang tinggi buat bantah tiada mau menyertai taksirlah atasnya segala kebinasaan itu kena ia ganti dan tiadalah dibenarkan ia berbuat batas akan bendangnya itu, demikianlah taksir atasnya. Jika ia mengadupun tiada diterima aduannya kerana ia menyukakan kebinasaan yang bersama dengan dia. Demikian lagi tatkala selesai kerja bendang pun bandar air itu maulah segala tuan bendang pada tempat bandar air itu pebela jangan beri kerbau berkubang atau barang bagi membinasakan bandar air itu. Jika ada rosak bandar air itu kenalah atas tuan bendang membaiki. Jika tiada ia baiki taksir atasnya. Jika naik air merosakkan anak padi kena denda atasnya setahil sepaha demikianlah adatnya.”⁶⁰

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ *Ibid.*, hal. 66-67.

⁶⁰ *Ibid.*, hal. 67.

Tuan tanah perlu menyediakan ‘batas’ atau ‘laluan’ untuk orang dan binatang. Pertikaian tentang hal ini diselesaikan melalui undang-undang berikut:

“Jika ada dibendang siapa-siapa jalan orang berjalan kemana-mana hendaklah tuan tanah itu adakan batas jalan orang. Tiadalah boleh ditutupkan bertanam padi pada jalan itu. Jika jalan gajah atau kerbau lembu maulah diadakan batasnya delapan tapak, tiada boleh kurang. Dan pada ketika padi sudah keluarpun maulah tuan padi selak padi sepanjang jalan itu jangan dirabut gajah. Jika sudah cukup syarat demikian batasnya, jika ada gajah merabut buah padi itu kebinasaannya kena atas gebala itu ganti harga padi yang rosak itu. Jika tiada cukup syarat batasnya kurang daripada delapan tapak dan padipun tiada diselak, tiadalah taksir atas gebala gajah. Jika gajah turun dari batas merunduk dalam padi kena taksir atas gebala gajah digantung balun sepuluh kali. Jika banyak rosak padi itu kena gebala gajah bayar harganya. Jika ia tiada terbayar kena atas tuan gajah bayar ganti harga padi itu. Demikian lagi pada musim padi sudah tertanam tiadalah boleh orang bergajah membawa gajah janglar atau anak gajah berjalan pada jalan itu. Jika dibawanya berjalan kerosakan padi itu dirunduk gajah yang janglar dan anak gajah kena denda atas tuan gajah setahil sepaha serta dengan harga padi yang rosak itu. Dan lagi kerbau lembu yang jahat pun tiada dibenarkan bawa lalu pada jalan itu juga bawanya lalu. Jika putus tali, lari kerbau lembu itu merunduk padi taksir atas tuan kerbau itu. Jika lama berambat dalam padi itu ditikam tuan padi mati luka tiadalah taksir atasnya kena denda pula atas tuan kerbau tiga emas...”⁶¹

Petani atau masyarakat kampung perlu bekerjasama bagi menangani masalah yang ditimbulkan oleh binatang atau perosak tanaman.

“Jika ada sesuatu kampung di hampir-hampir bendang itu tempat binatang yang jahat-jahat seperti babi atau rusa atau sebarangnya yang merosakkan padi bendang itu diajak kawan hendak mencerahkan semak itu melepaskan bahaya ke atas padi. Hendaklah segala tuan-tuan bendang itu muafakat percerahkan. Barang siapa berbuat sikap bantah daripada kawan sebanyak taksir atas mereka itu hukumnya oleh pegawai masjid di perhindarkan ia gebala gong sekali, tiada diberi duduk sembahyang pada saf segala orang dan tiada dibenarkan ia keluar pulang bersama orang sebanyak hingga habis segala orang keluar baharu dibenarkan ia keluar. Demikianlah hukum atasnya kerana tanah itu tanah raja dengan sebab itu jika tiada ia mau pergi sembahyang ke masjid maulah panglima kweng tandil kerasi panggil ia diderakan dengan cemara atau sebarang yang patut. Didalam ini jika ia bantahan hendak melawan ditangkap bawa ke negeri boleh dihukumkan atasnya daripada dera balun dan gantung dan denda lima tahil sepaha kerana ternama derhaka. Jika ia melawan mati terbunuh pada ketika hendak ditangkap dia tiada taksir atas

⁶¹ *Ibid.*, hal. 67-68.

seorang pun kerana harus orang yang demikian itu mendapat kehinaan dan kerosakan.”⁶²

Perbuatan mencuri air dan khianat dengan sengaja ditangani melalui peruntukan berikut:

“Syahdan jika ada siapa-siapa mencuri air bendang, jika dicuri buka batas hendak memberi air bendang turun kepada bendang dirinya, jika dicurinya itu tiada menghabiskan airnya serta ditutup balik batasnya dihukumkan atasnya suruh berjabat tangan dan pinta maaf pada tuan air itu. Jika diambil airnya beri habis kering bendangnya tiada dicermatkan kena hukum atasnya dengan hukum dera sepuluh kali palu. Jika enggan ia menerima palu kena denda atasnya seemas. Jika dengan sengaja dicuri belah batas beri kering bendang itu dengan khianatnya sebab ia menaruh dendam atas tuan bendang itu besarlah salahnya kena hukum denda atasnya tiga tahil sepaha. Jika dengan kering air menjadi rosak padi itu pada tilik tuha muda kweng tandil tiadalah boleh sepenuh buah padi cedara sebab air itu kena ganti padi sebanyak dimerugikan hamba Allah itu demikianlah adatnya.”⁶³

Kanak-kanak yang membuat khianat keperluan air bendang juga tidak terlepas daripada menerima hukuman.

“Jika kanak-kanak membuka air itu sebab ia hendak mengambil ikan dihukumkan atasnya dengan hukum dera dibalun...dipungkurnya serta ditegahnya pada hari lain jangan perbuat demikian lagi.”⁶⁴

Perbuatan mencuri anak semaian padi juga mendapat perhatian undang-undang ini.

“Bermula jika dicuri ambil sampai orang tanam ke bendang dirinya kenalah ia ganti sampai air tanam balik serta pebela beri baik-baik segala padinya itu serta membaiki batasnya yang rosak jadi hukum kesalahan itu jika dicuri bawa pergi jual mana-mana kenalah ia ganti semainya serta kena hukum atasnya menurut hukum pencuri seperti yang telah dibayannya itu ikut barang patut pada hakim.”⁶⁵

Perbuatan khianat ‘membakar padi dengan sengaja’ merupakan kesalahan yang berat sehingga boleh membawa kepada hukuman bunuh.

⁶² *Ibid.*, hal. 68.

⁶³ *Ibid.*, hal. 68-69.

⁶⁴ *Ibid.*, hal. 69.

⁶⁵ *Ibid.*

‘Tatkala sudah berbuah padi, jika terbakar taksir atas orang yang mendatangkan api itu. Hukum atasnya mengganti sebanyak padi yang binasa itu. Jika sengaja ia bakar hendak binasakan padi hamba Allah, jika terbakar banyak atau sedikitpun kenalah hukum yang berat di atasnya, dibunuh orang itu serta dirampas barang yang keadaannya dibahagikan pada tuan padi yang terbakar itu. Jika ada lebih daripada itu jadi baitulmal, jika tiada dibunuh diambil denda atasnya sekati lima. Jika tiada cukup, diambil tubuhnya itu diserahkan pada temenggung atau pada maharajalela taruh suruh pada kerja negeri, iapun bernama darah mati. Juga tiada boleh berharta selagi belum selesai terbayar sekati lima itu kerana derhaka pada negeri demikianlah hukumnya.’⁶⁶

Fasal 20 memperuntukan peraturan perselisihan tanah bendang. Fasal ini menyatakan secara terperinci tatacara penyelesaian tuntutan bertindih terhadap tanah bendang. Asas perselisihan diselesaikan dengan cara berikut:

‘Jika ada siapa-siapa mengadu atas seseorang daripada barang bagi aduannya. Pada waktu itu jika sudah bertanam padi dalam bendang masing-masing, dinyatakanlah oleh hakim pada ketuha tempat disuruh pupuh gayangkan bendang sebanyak diperdakwa itu serta dipanggil lawan orang yang diadunya. Diperiksa rupa jenis jawabnya pada kedua pihak, aduan jawab itu diperiksa beri habis serta diambil kenyataan antara kedua pihak, ditatap dibawa kepada kadi atau ulamak-ulamak bertanya hukum atas masalah dakwanya itu. Barang yang dihukumkan oleh ulamak ditaklik pula kepada adat jika sudah berbetulan dibawa maklum kepada Bendahara, diselesaikan dengan benar Raja ... surat ketetapan itu disertakan akan padi di dalam bendang sebanyak diperdakwa itu. Disuruh tuan yang mengerja bendang itu pebela jangan rosak binasa. Apakala masak padi disuruh ketam kayu ambil hantar masuk kedalam wang raja kerana padi yang dalam diperdakwa itu tiada diberketahuan tuan, pulang tanah itu jadi milik raja. Pada waktu itu barang yang terisi dalam tanah itu jadi milik raja. Barang siapa diampun kurniai ialah boleh menerima. Tatkala sudah tetap jadi perolehinya siapa-siapa baharu jadi milik mereka itu bendang itu.’⁶⁷

Jika kes pendakwaan ini dimenangi oleh pihak pengadu maka dikuatkuasakan peraturan berikut:

‘Jika beroleh akan orang yang mengadu bendang itu, boleh ia menerima bendang sahaja. Dalam itu ditilik hakim kepada rupa dakwanya, jika ada yang mengerjakan bendang itu ambil dengan kekerasannya sahaja tiada dengan sesuatu sebab yang berpatutan jadi pendakwaan itu taksirlah atasnya kena ia berbayar sewa tanah selama dikerjakan itu pada semusim serelung dua kupang. Jika terjauh masa pun yang kena sewanya tiga musim sahaja, tiada diboleh diambil lebih. Jika diambil oleh yang bekerja bendang itu ada bersengketa sebab

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*, hal. 70.

yang berpatutan atas barang perkara daripada tiada pengetahuan yang sebenar tiadalah kena sewa itu ke atasnya sehingga bendang itulah sahaja terpulang kepada yang mengadu itu.”⁶⁸

Jika pihak pengadu pula yang kalah, dan kes dimenangi oleh pihak yang kena adu, maka tatacara yang perlu diikuti ialah:

“Jika beroleh akan yang kena aduan yakni sebenar-benar tanah bendang itu milik orang yang mengerjakan itu kenalah atas orang yang mengadu itu bayar harga padi yang dikerjakan yang jadi kena gayang pupuh jadi ... raja itu dengan sepenuh harganya akan yang kena aduan kerana dengan sebab aduannya jadi kerugian yang empunya dia demikianlah hukum itu.”⁶⁹

Tuntutan bertindih terhadap hak milik tanah pusaka diselesaikan melalui peraturan berikut:

“Bermula yang diadukan itu tanah perbahagian pusaka yang sepatut yang seorang mengambil lebih daripada bahagiannya sekalipun terpupuh kesemuanya juga padi sebanyak terpupuh itu jadi raja belaka. Tatkala diperbahagikan sebanyak terambil itulah sahaja bendang itu terpulang kepada yang ... tiadalah kena sewa atas yang kena aduan selama dikerjanya kerana tanah sepusaka. Jika salah atas yang mengadu tiada terambil didalam bahagiannya sebanyak terambil padi sebanyak dikerjakan itu kenalah atas yang mengadu bayar ganti harganya sepenuh turut harga jualan masa itu. Didalam itu kepada tilik hakim kepada aduan jawabnya nyata terambil didalam bahagian dengan sesuatu sebab ... pula di dapat oleh yang kena aduan itu bendang tiadalah kena atas yang mengadu berbayar kesemua harga padi itu melainkan sebanyak diadunya itu juga kena ia berbayar harga ikut patut beroleh dalam bendang itu. Syahdan sebab dipupuh oleh hakim kesemuanya bendang itu menjadi padi-padi dalamnya menjadi padi raja kerana mehamum tuduhannya itu ertinya seperti bendang itu sepuluh relung yang di adunya dua relung terambil dalam perbahagiannya tiadalah berketahuan tanah bendang sebelah mana-mana dua relung itu kerana tiap-tiap bendang berbeza jadi padinya. Jadilah disuruh hakim pupuh kesemuanya jadi padi raja. Tatkala tentu rupa perbahagian sebanyak bendang yang diadunya juga kena ia bayar ganti harganya.”⁷⁰

Jika tuntutan bertindih tersebut melibatkan tanah pusaka yang telah dijual kepada orang lain maka penyelesaian yang diguna pakai ialah:

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.* hal. 70-71.

⁷⁰ *Ibid.*, hal. 71.

“Sebermula jika sudah bertukar-tukar milik daripada yang empunya bahagian ertinya tanda pusaka yang diperbahagikan itu salah seorang sudah berjual akan orang lain bendang bahagiannya, orang lain mengerjakan bendang itu. Datang aduan daripada orang yang sama berbahagi atas bendang yang dibeli mereka itu dengan sebab dibeli bendang ia pun sama kena pupuh. Tatkala selesai dakwanya kena berpulang tanah yang dibeli itu kepada yang mengadu. Jika tersalah pembelian mereka itu kena berpulang balik kesemuanya, patut yang mengadu itu bayar akan orang yang mengerjakan bendang sebanyak harga padinya sendiri atas bendang orang itu yang bukan tanah bendang diperdakwakan itu sebanyak yang terpupuh itu kerana dengan sebab aduannya juga ia kerugian sebanyak bendang dirinya sendiri. Akan bendang yang dibeli itu tiadalah boleh ia hendak tuntutan kerana salah pembelian melainkan mengadulah ia atas orang yang berjual padanya dan jika tiada salah pembelian cukup syarat jual beli sekadar masuk dalam pejualan itu tanah bendang yang diperbahagikan itu sedikit atau banyak. Tatkala dibahagi dikeluarkan bendang orang yang mengadu bayar balik kepadanya kenalah ia bayar juga harga padi kelelahan yang mengerjakan dia kesemuanya sekali tiada lepas daripadanya kerana dikerjanya dengan cukup syarat adat jual beli. Jika termasuk dalam dikerjakan itu lebih daripada pembeliannya yang lebih itulah yang diadunya itu dan itulah yang terpulang kepadanya, tiadalah kena ia berbayar ataupun kerugian itu jadi kerugian orang yang mengerjakan dia juga kesemuanya. Jika sekadar tiada berbetulan perenggan ... sekalipun hilang juga kelelahan itu tiadalah boleh ia menuntut lagi kerana ia menanggung taksir tiada mencerikan perenggan dan batas itu”⁷¹

Jika ada orang lain daripada yang sepusaka yang menuntut tanah tersebut maka penyelesaian yang akan diambil adalah seperti berikut:

“Bermula jika orang lain daripada sepusaka mengadu terambil tanah dirinya pun tatkala datang aduan, terpupuh tanah bendang setuan yang kena aduan itu, padi musim itu jadi padi raja, maulah yang mengerjakan bendang itu pebela baik-baik daripada genap perkaranya jangan rosak binasa. Jika tiada dengan sebab pekerti dirinya tiadalah hilang kelelahannya dirinya di dapatlah ba basamatnya. Jika dengan pekerti dirinya hilanglah kelelahannya itu iaitu tatkala diperiksa aduan mereka itu dengan jawab lawannya serta ditatap hakim surat kenyataan keduanya bersabit pada hukum dan adat bendang itu jadi tetap pada yang kena dakwa. Segala kerugian itu kenalah atas yang mengadu bayarkan dia. Jika kebenaran yang mengadu beroleh tanah itu akan dia kesemuanya atau setengahnya sekalipun tiadalah kena ia ganti kelelahan.”⁷²

Fasal 20 diakhiri dengan penyelesaian tentang tanah yang samar-samar hak milik atau tuan punya.

⁷¹ *Ibid.*, hal. 71-72.

⁷² *Ibid.*, hal. 72.

“Bermula jika ada suatu bendang diperdakwakan, kedua anak dakwa itupun sama ada menaruh kenyataan dan sama berdiri saksi pada kedua pihak itu banyaklah jalan tempat siasat lagi sekalian perkara itupun sama ada kebenarannya. Dihukumkan oleh hakim menurut titah raja, diperbahagikan bendang itu seorang sebahagi maka kenalah yang mengadu itu bayar kelelahan orang mengerjakan bendang dua bahagi didalam bahagi tiga maka yang sebahagi itulah kerugian orang yang mengerjanya kerana yang mengerjakan itu lama makan jasanya dan tiada boleh diadu kehendak sewa atas bendang yang jadi bahagiannya itu kerana ia kerjakanpun dengan menaruh kenyataan juga, demikianlah dikiaskan atas tiap perkara perselisihan pasal bendang barang rupa aduan itu diselesaikan dengan kias yang tersebut ini demikianlah adatkan.”⁷³

Fasal 21 berkaitan dengan peruntukan orang membuat huma.⁷⁴

“Adapun jika siapa-siapa hendak tebas tebang jadikan huma, hendak ditilik jangan kena bekas belukar orang kerana tiap-tiap orang buat tiga tahun juga ia mengambil faedah tanamannya. Lepas daripada tiga tahun tawarlah abu yang menjadi bajanya, tiadalah baik naik segala tanamannya melainkan rumput juga banyak. Setengah-setengah tanah boleh digagah sampai empat tahun kemudian ditinggalkan humanya itu tiga tahun, hendak beri jadi belukar besar membanyakkan kayu hendak dibakar beri jadi banyak abu bajanya. Di dalam empat tahun itu tempat itu nama miliknya juga, tiada boleh orang lain pergi bakar buat huma. Jika ada diadu oleh tuan belukar-belukar itu, disuruh hakim kembalikan tempat belukarnya. Jika ada tanaman dalamannya tiada boleh orang yang empunya tanam itu ambil atau binasakan taksir atasnya sekalian itu jadi perolehan tuan belukar. Jika dibinasakan oleh orang yang bertanam kemudian kena denda atasnya sebidang huma sepuluh emas.”⁷⁵

Jika ingin membakar ‘huma’, maklumkan kepada orang lain.

“Jika ia tebas tebang tanah rimba diperhuma tiadalah apa kena atasnya melainkan tatkala ia hendak membakar humanya maulah ia nyatakan pada segala orang yang huma hampirnya supaya segala mereka itu membela perhumaannya yang sudah tertanam atau yang belum membakar lagi jangan kebinasaan harta ia. Jika dibakar dengan tiada dinyatakan, api itu pergi membinasakan tanaman orang atau membinasakan tebasan orang yang belum terbakar lagi, taksirlah atas orang yang membakar ganti kelelahan tanamannya. Dan perhumaan yang belum terbakar itu apinya pergi makan itupun kenalah ia pergi tolong perun kerana tiap-tiap tebas tebang itu maulah ada daun-daun kayu itu dari situlah akan naik api membakar segala kayu yang besar-besar. Jika sudah binasa segala daun kayu itu tiadalah boleh membakar dia. Jika terbakar setengah-setengahpun sangat kepayahan menjadikan api membakar yang tinggal itu tambahan hendak memerun dia

⁷³ *Ibid.*, hal. 72-73.

⁷⁴ Huma adalah ladang padi (di tanah kering) atau tanah yang baru dibuka (ditebas hutannya).

⁷⁵ *Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*, hal. 73.

dengan sebab itulah mau maufakat segala bakar atau mau dinyatakan pada orang yang tiada hendak membakar lagi supaya dipebela hartanya.”⁷⁶

Membakar huma yang ada pagar mempunyai peraturan yang tertentu.

“Demikian lagi jika ada ditaruh pagar huma itupun mau dipebela oleh yang membakar jangan binasa pagar huma itu. Jika binasa pagar itu masuk kerbau lembu atau barang binatang yang membinasakan tanaman orang kena atasnya juga ganti kelelahan itu. Dan jika ada jalan masuk kerbau lembu itu sebarang daripada jalan yang belum terbakar membinasakan tanaman orang yang membakar itupun kena atas orang yang tiada membakar lagi itulah ganti kelelahan itu. Jika ada orang lain mengambil upah hendak membakar beri tebas tebangnya maka dibakarnya beri kebinasaan atas tanaman orang ialah kena ganti. Dan jika diambil upah hendak memerun beri tiadalah direntikan dengan setengah perun kerana yang memerun kemudian itu sukar mengadakan api besar. Demikianlah dihukumkan kepada membakarpun tatkala sudah terbakar maulah diperbuat pagar daripada jalan yang terbakar itu jangan datang susah kepada orang lain taksir atasnya kena ganti segala yang binasa itu, demikianlah adat orang berhuma.”⁷⁷

Fasal 22 pula memperuntukan peraturan orang membuat dusun dan kampung. Fasal ini bercampur aduk dengan peruntukan lain seperti peraturan berbendang dan jualbeli kambing. Peruntukan orang berdusun yang utama ialah:

“Orang berdusun, adapun segala tanaman didalam dusunnya itu maulah ada menaruh perenggan dan pagarnya beri cukup syarat pagar. Jika tiada cukup syarat pagarnya seperti yang tersebut didalam bab yang dahulu, tiga batang pada setapak dan tiga turus pada sejambak dan rembatnya tiga, jika dimasuk kerbau lembu binasakan tanamannya tiada ditaksir atas tuan kerbau lembu itu. Jika sudah cukup syarat pagarnya jika dibelah kerbau lembu masuk binasakan tanamannya taksir atas tuan kerbau lembu itu ganti segala yang binasa. Demikian lagi jika disama berdusun seperenggan yang pagar setuan itu cukup syarat pagarnya dan yang setuan tiada berpagar atau tiada cukup syarat pagar, masuk kerbau lembu atau binatang lain daripada sebelah pagar yang tiada cukup syarat itu langsung pergi binasakan tanaman orang yang kurang pagar itu ganti segala kebinasaan itu melainkan dimasuk gajah atau badak juga tiada kena ia berganti kerana pagar-pagar itu bukan padannya.”⁷⁸

Dusun yang tidak mempunyai ‘surat putus’ perlu membayar sewa tanah kepada raja pada setiap musim.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ *Ibid.*, hal. 73-74.

⁷⁸ *Ibid.*, hal. 74.

“Tatkala sudah berpindah dusunnya, maulah ia bawa persembahan akan raja serta persembahkan harga tanah itu pohonkan surat putus dikurnia raja maka sampai tiga musim ia menerima faedah kesemua tanaman atau setengah sekalipun. Jika tiada ia sembahkan harga pohonkan surat putus kenalah atasnya sebahagi harga buah kayu semusim itu. Jika kemudian daripada itupun tiap-tiap musim demikian juga selagi belum didapatnya surat putus kenalah atasnya sebahagi harga segala faedah itu tiadalah boleh dipergendalakan bahagian raja. Jika sudah ia mendapat surat putus jadi miliknya boleh diperintahkan ikut ikhtiarnya hendak digadai jual atau berpawah beri orang lain tunggu pebela dusunnya itu, demikianlah diadatkan atas segala dusun.”⁷⁹

Perbuatan mengerjakan dusun orang lain, diselesaikan dengan kaedah berikut:

“Syahdan jika dusun seseorang maka orang lain pergi pebela tunggu ambil faedahnya, tatkala dituntut tuan dusun kenalah ia berbahagi dengan bahagi tiga, maulah ia beri akan tuan dusun dua bahagi dan boleh akan dia sebahagi, ikut adat berpawah kerana berpawah pun ada setengah bahagi empat boleh akan tuan dusun tiga bahagi dan setengah bahagi tiga akan tuan dusun dua bahagi. Jika dusun itu ditinggal tuannya lama, orang lain duduk pebela ambil faedahnya makan dan jual, jika datang tuannya tuntutan kenalah ia bayar semusim itu dua bahagi didalam bahagi tiga. Jika berapa lama terduduk padanya pun tiadalah boleh ia tuntutan lebih dengan sebab terpebela dusun itu sebab ia duduk. Jika tiada ia duduk pebela nescaya... dusunnya jadilah tiada di boleh ia tuntutan lebih daripada semusim.”⁸⁰

Fasal 23 berkaitan dengan peraturan orang bergadai ‘kampung’ atau ‘bendang’ atau ‘dusun’ atau ‘barang’. Prinsip asas atau utama penggadaian ialah bagi mengelakkan wujud riba. Lihat peruntukan berikut:

“Jika benda yang digadai itu ada pekerjaan didalamnya sesuatu seperti bendang hingga dikerja baharu berfaedah maka tiap-tiap musim dikerjakan oleh yang memegang gadai tiadalah menjadi riba tetapi sebanyak sewa bendang ikut banyak sedikit pada adat di tempat itu, sebahagi maulah menjadi wasilnya, itupun jika ada tuan bendang berikrar mengatakan jadi pemberiannya, lepaslah daripadanya didalam janji atur daripada janji demikianlah kepada hukum Allah dan ...tatkala sudah lepas daripada pertanggunghan itu segala faedah itu semuanya pulang kepadanya tuan yang empunya dia melainkan kelelahan ia atas pekerjaannya itu sahaja didapatnya.”⁸¹

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ *Ibid.*, hal. 75.

⁸¹ *Ibid.*, hal. 79.

Fasal 24 ialah undang-undang yang berkaitan dengan ‘sewa’ dan ‘pajak’. Undang-undang ini melindungi penyewa atau pemajak bendang yang mengalami kerugian kerana sebab yang tidak dapat dielakkan.

“Jika disewanya bendang dikerjanya tahun itu dengan kehendak Allah Taala tiada jadi bendang musim itu sebab kekurangan hujan, orang sebanyakpun tiada jadi juga, pada tahun ke hadapan itu, tiadalah boleh tuan bendang itu tiada mau beri sewa akan dia. Mahu ia beri ikut sewa tahun yang sudah itu, tiadalah boleh dilebihkan kerana ia sudah menanggung rugi dan berlelah dengan bendang tetapi sewa pada musim tiada jadi padi itupun tiada boleh lepas daripada ia berbayar ertinya tuan bendang tiada mau beri akan dia sewa pada tahun tiada jadi padi itu. Jika diadu pada hakim perintah itu dikerasi ambil beri akan dia. Jika dikerja bendang itu sudah tanam sekalipun diambil hakim berikan dia melainkan sepatut belanja yang sudah dikerjanya, itulah disuruh ia bayarkan tetapi sebelum ia mengerjakan bendang itu mau ada ia pergi pinta sewa. Jika tiada ia mau beri itulah menjadi taksirnya kerana ia sudah mendapat rugi dan berlelah pada bendang itu.”⁸²

Fasal ini juga membicarakan tentang perlindungan kepada penyewa atau pemajak yang tidak dapat mengerjakan bendang kerana sesuatu aral.

“Jika orang yang sewa bendang didalam kerjanya bendang itu setengah-setengah datang iradat atasnya daripada sakit demam atau barang bagi yang mengendalakan kerja bendang itu, tiada siapa daripada warisnya akan menolong dia. Hendak diupah pawah tiada siapa yang mau jadi ..bendang musim itu kenalah atasnya setengah sewanya kerana nyata uzurnya tiadalah boleh tuan bendang tuntutan sepenuhnya, sebahagi itulah tiada lepas daripada bayar. Jika tertinggal itu dengan tiada kerana uzur yang demikian kenalah ia bayar sepenuh turut janjinya.”⁸³

Penyelesaian terhadap perselisihan tanah bendang yang tidak diusahakan oleh pemajak atau penyewa tetapi dikerjakan orang lain adalah seperti berikut:

“Demikian lagi apakala sudah dikerja bendang itu setengah-setengah datang uzurnya itu, jika ada orang lain pula kabul mengerjakan bendang itu dikerjakannya jadi perolehan ialah padi itu tiadalah boleh yang menyewa itu menuntut atasnya melainkan sebanyak sewanya itulah kena ia bayar. Jika dikerjanya sedikit atau banyak sekalipun selagi belum tertanam tiadalah boleh dituntut. Jika sudah ditanamnya sedikit-sedikit orang lain pula memenuhi tanam dan pebela dan ketam kayu ambil padi kenalah berbahagi tiga. Dalam itu dua

⁸² *Ibid.*, hal. 83.

⁸³ *Ibid.*, hal. 84.

bahagi akan orang yang menyewanya sebahagi akan orang yang memenuhi dan membelanya, jika ditanamnya sedikit sekalipun iaitu menyatakan sudah suci tanah itu.⁸⁴

Proses menamatkan perjanjian ‘penyewaan’ dan ‘pemajakan’ setiap keping tanah juga terdapat dalam undang-undang ini.

“Bermula didalam antara sampai had perjanjiannya lamanya itu tiadalah boleh tuan kampung hendak ambil kampungnya. Jika ada diperjanjikan sewanya atau pajaknya pada setahun sekian-sekian atau sebulan sekian, selama ia suka duduk pebela kampung atau dusun itu sampai tahun atau sampai bulan bolehlah ia ambil balik, itupun dahulu daripada bulan hendak diambil itu mau dinyatakan pada orang yang memegang sewa atau pajak itu dengan kata, “habis bulan ini aku hendak ambil kampungku atau dusunku”. Jika tiada ada nyatakan demikian itu, barang buah kayu dalamnya sehingga tengah bulan kemudian daripada diambil balik itu, barang yang masak orang yang pegang pajak atau sewa empunya dia, tiadalah boleh tuan kampung mengambil dia atau tiada boleh tuntutan atas hari yang lebih itu. Jika lebih daripada dua tahun terduduk pada yang pegang pajak atau sewa sehingga sebulan kemudian daripada diambil balik itu faedahnya, boleh akan orang yang memegang dia tiada kena atasnya hasil sebulan itu.”⁸⁵

Melanggar syarat penyewaan atau pemajakan seperti tidak membayar hasil sewa atau pajak boleh menyebabkan tuan punya tanah mengambil balik tanah. Akan tetapi undang-undang menetapkan proses pengambilalihan hak guna tanah masih memberi kelonggaran terhadap penyewa atau pemajak.

“Jika orang yang memegang sewa dan kadi berbuat kendala, tiada berbayar emas sewa pajak itu sampai tiga kali waktu berbayar tiada diberinya, bolehlah tuan kampung atau dusun ambil balik kampungnya. Jika dalam janji sekalipun tiadalah boleh dituntut oleh yang memegang sewa dan pajak kerana diperkendalakan emas bayarannya itu membatalkan segala perkaranya. Jika disewa pajaknya itu dusun atau bendang sebelum selesai daripada yang memegang dia mengambil faedahnya tiadalah boleh diambil tuannya balik kerana kerja bermusim tempat ia mengambil faedah. Jika tiada musim tiadalah apa yang ada faedahnya. Didalam musimpun, pada musim itu segala pohon kayu dalamnya tiada berbuah, lepas musim lepas daripada segala dusun-dusun yang lain baharu ia berbuah, tiadalah boleh diambil tuan dusun itu melainkan habis faedah itulah boleh diambilnya. Jika berbuah segala tanaman itu bersama orang sebanyak selesai buah-buahan tiada sempat habis baik keluar pula bunga buahnya lain, itulah nama salah musim, perolehan tuan dusun kerana sudah lepas

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*, hal. 85.

musimnya tiadalah boleh akan yang memegang sewa dan pajak hendak dihubungkan pergi dengan musim yang telah lepas itu melainkan bersewa dan berpajak lain, demikianlah diadatkan.”⁸⁶

Fasal 25 adalah undang-undang yang berkaitan dengan jualbeli tanah. Pertikaian terhadap penjualan tanah tanpa melibatkan waris diselesaikan melalui kaedah berikut:

“Adapun jika seseorang berjual bendang tiada baginya surat putus yang sedia dibawa kepada hakim dengan setahu dia dibeli oleh seseorang dengan ibarat daripada sekiannya mengesahkan tanah itu. Kemudian daripada selesai jualbeli itu orang lain pula datang mengadu atas tanah bendang itu setengah atau kesemuanya dibawa dengan saksinya akan mengesahkan bendang itu empunya orang yang mengadu. Tiadalah boleh diperlawankan dengan orang yang membeli dia kerana dibelinya itu dengan cukup syaratnya melainkan kena aduan itu di atas orang yang berjual dengan segala saksinya itu diperdakwakan. Jika timbul kebenaran orang yang mengadu itu kenalah atas orang yang berjual pulangkan harga yang diambil serta dengan segala belanjanya daripada dia yang terpuh itu dan sebarangnya serta kena denda atas sekeliannya lima tahlil sepaha iaitu sebahagi kena atas saksi itu kerana ia menjadi saksi dengan ... tiada kena atasnya hukum yang berat yang berdusta... dikerah kerana ia lihat orang yang kerja bendang itu mengerjakan dua tiga musim jadilah dikata bendang ia diampuni raja akan dia daripada hukum yang berat kadar didendakan juga sebahagian daripada orang yang kena... itu..”⁸⁷

Akan tetapi jika aduan tersebut tidak benar, penyelesaian adalah seperti berikut:

“Jika yang mengadu itu tiada sebenar kenyataannya menjadi sah bendang orang yang berjual dia kenalah atas yang mengadu membayar kerugian itu sekaliannya serta didenda atas segala saksinya itu dengan denda lima tahlil sepaha ia menjadi saksi dusta. Jika ada yang mengadu menaruh sesuatu surat putus maka dibawa surat itu kepada hakim dan adat tiada terpakai juga surat putusnya dengan sesuatu sebab tiadalah kena atas yang mengadu itu segala belanja ini melainkan kenalah atas orang yang berjual dan orang yang membeli itu seorang sebahagi dengan sebab ia mendapat bendang itu. Di dalam tilik olehnya segala hakim rupa kenyataan orang yang mengadu jika ringan pekerjaannya dibahagi tiga segala belanja itu Jadi sama-sama rugi ketiganya melainkan jika ia tebus sesamanya tiada lepas daripadanya. Demikian lagi jika adu orang yang berjual itu menaruh surat putus dan orang yang mengadu itu mengadakan saksi pun serupa demikian juga kerana saksi itupun serupa surat putus juga tiada berlainan lagi daripadanya.”⁸⁸

Jualbeli yang melibatkan harta pusaka.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ *Ibid.*, hal. 85-86.

⁸⁸ *Ibid.*, hal. 86.

“Jika tanah sepusaka dijual oleh seorang anaknya dengan setahu hakim, dikata bahagian dirinya berdiri beberapa orang saksi mengesahkan pada tiap-tiap tahun ialah mengerjakan bendang, jadilah dibenarkan hakim ia berjual. Kemudian daripada jualannya itu dituntut oleh seorang anaknya pula mengatakan bendang bahagian dirinyapun termasuk dalam penjualan itu maka itupun berdiri pula beberapa saksi mengesahkan. termasuk bahagian saudaranya ini. Halnya yang berjual itupun sudah mati, jadi perdakwa atas mayat, ditilik oleh antara keduanya itu nyata kebenaran yang menuntut kemudian. Akan perjualan itupun sudah cukup syaratnya maka tiadalah boleh hendak ditaksirkan atas yang membeli melainkan kena atas kedua beradik itu mempulangkan harga sebanyak bendang yang dituntut saudaranya yang kemudian. Tiadalah ditahani oleh yang membeli sebab cukup syaratnya maka perbahagian ia kedua beradik itu sama kena sama banyak daripada harga yang dipulangkan balik itu dan kerugian orang yang membeli dia bahagian simati itu kena ambil atas keadaannya.”⁸⁹

Jika penjual masih hidup, penyelesaian berikut akan diambil.

“Jika yang berjual itu mewujud ada hayatnya tiadalah kena berbahagi sekalian kena ialah bayar seorangnya harga tanah itupun ... bayar akan saudaranya tiadalah boleh... perjualan hendak dipulangkan emas hendak ambil balik tanah bendang itu melainkan mahu ia bayar akan saudaranya... menerima harga sebanyak itu harus disuruh saudaranya tambahkan atas sepatut jika ada lagi lain saudaranya empunya bendang itulah diambil beri ganti akan dia tiadalah boleh ia menolak tiada mahu terima kerana hartanya setuan asalnya tiada boleh diterima tolaknya itu disuruh ia terima juga.”⁹⁰

Penjualan tanah pusaka pula amat mengutamakan waris, sebagaimana peruntukan di bawah.

“Bermula jika ada tanah sepusaka umpama sepuluh relung anaknya dua orang berbahagi akan seorang lima relung maka yang seorang suka berjual bendang bahagiannya itu dengan harga serelung lima emas. Maka yang seorang tiada suka berjual yang hendak dijual itupun ia pinta jangan jualkan orang lain ia hendak beli ambil dipinta dengan harga serelung empat emas pun harus jualkan dia. Jika ia terjual dengan harga itu pada orang lain sudah jadi surat putus perjualan cukup syaratnyapun patut diambil balik beri akan saudaranya yang sepusaka itu tetapi belanja atas yang menjadi surat putus itu juga mahu ia bayar. Akan harga yang kurang dipinta itupun mahu dikeluarkan daripada saudaranya itu berikan dia. Didalam ini juga suruh orang yang membeli dia mengerjakan bendang itu tiadalah boleh diambil balik jika waktu berjual beli itu ia tiada hadir ditempatnya ia pergi jauh. Tatkala ia balik bendang itu sudah dikerjakan oleh orang yang membeli dia, dibenarkanlah akan dia pada musim itu.

⁸⁹ *Ibid.*, hal. 86-87.

⁹⁰ *Ibid.*, hal. 87.

Tatkala saksi ambil buah padi diambillah balik bendang itu berikan dia dan diambil harganya itu pulangkan pada yang membeli. Tiada boleh yang membeli menahani dan berkehendakkan harga lebih kerana benda sepusaka sama ia kedua empunya mahu dengan kabul keduanya berjual itu, sungguhpun sudah berbahagi masing-masing tentu bahagian sekalipun. Tatkala ia tiada keredhaan serta mahu beli ambil sepatut-patut mahu jualkan dia jangan pecah milik. Jika bendang itu tertumpu dengan bendang raja sekalipun dia ampuni raja juga daripada membeli bendang dengan menggagahi daripada warisnya itu, demikianlah kelebihan warisnya.”⁹¹

‘Mempawah’ dan ‘menyewakan’ tanah perlukan restu sepusaka.

“Demikian lagi jika hendak dipawah atau hendak disewa pun menghendaki kabul yang sepusaka harga ertinya jika yang sepusaka tiada berkehendak akan mempawah dan sewa dia baharulah boleh orang ... mengerjakan dia. Bermula jika kampung atau dusun hendak ... pun tatakala sepusaka demikian jugalah hukumnya tiadalah lagi.”⁹²

Pihak lain yang diutamakan dalam penjualan tanah ialah orang yang seperenggan tanah.

Hak orang yang seperenggan tanah, tidak menyamai hak tanah sepusaka.

“Kemudian daripada sepusaka itu yang seperenggannya pula akan warisnya tiadalah boleh orang lain membeli dia. Jika tiada dengan keredhaan yang seperenggan dengan dia ertinya jika tiada mahu ia membeli. Jika ia hendak beli mahu jual akan dia juga ikut harga yang boleh laku pada orang lain tiadalah berkehendakkan kurang ... sepusaka itu melainkan ... kabul ... orang lain waktu berjual itu ... oleh yang seperenggan dijual dengan cukup syarat beli sudah jadi surat putus tiadalah boleh membatalkan ia dengan keras seperenggan seperti sepusaka itu.”⁹³

Pentadbiran Tanah Zaman Tradisional

Sultan Dhiauddin Mukarram Syah 1 (1661M-1687M), sultan Kedah ke-15, telah mengarahkan pembesar yang bergelar Dato’ Seri Paduka Tuan menyalin sebuah undang-undang. Tumpuan utama undang-undang ini berkaitan hal ehwal pertanian dan tanah.

⁹¹ *Ibid.*

⁹² *Ibid.*, hal. 87-88.

⁹³ *Ibid.*, hal. 88.

Undang-undang ini merupakan bahagian kedua *Undang-undang Kedah* dan telah disalin pada 1078 Hijrah (1667 Masihi). Undang-undang yang dinamakan *Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* ini boleh dianggap undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal tanah yang terawal di Kedah. Setakat ini belum ditemui undang-undang lain yang berkaitan dengan tanah di Kedah. Proses mendapatkan bukti hak milik tanah yang dinamakan *surat putus* diterangkan dengan teliti dalam undang-undang ini.⁹⁴ Oleh itu, boleh diandaikan pihak yang terlibat dalam pentadbiran tanah tentu melibatkan ketua kampung atau penghulu, hakim, pembesar, dan juga sultan sendiri. Pada ketika itu belum ditemui bukti wujudnya 'Pejabat Tanah' dan pegawai khas yang mengendalikan hal ehwal tanah.

Keterangan hak milik tanah yang awal terhasil dalam bentuk 'rekod penghakiman perbalahan terhadap sebidang tanah'. Hakim⁹⁵ menentukan pemilik sebenar tanah yang dipertikaikan dengan cara mengeluarkan sepucuk surat keterangan. Surat keterangan ini ditandatangani dan dimeterai oleh hakim, kemudian diserahkan kepada sultan untuk diperkenankan. Apabila ditandatangani dan dimeterai oleh sultan, surat keterangan ini dikenali sebagai 'surat putus' dan dengan itu wujudlah bukti hak milik mutlak terhadap tanah itu. Pemilikan dokumen seperti ini sangat diingini hingga menjadi kebiasaan dalam pindah milik tanah untuk mendapatkan dokumen yang membuktikan jualbeli, tandatangan dan meterai hakim serta tandatangan dan meterai sultan. Istilah 'surat putus'

⁹⁴ Lihat *Undang-undang Kedah Versi Winstedt & Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*.

⁹⁵ Hakim yang menguruskan pertikaian tentang tanah ini berkemungkinan juga adalah hakim raja yang digelar Hakim Maharaja Khankhan (Khankhana). Sila lihat salinan Surat-surat Salang (Lampiran F) seperti yang terdapat dalam rencana Wan Shamsudin Mohd. Yusof yang bertarikh 1 April 2002. Terdapat pula pembesar yang bergelar Khankhan (Khankhana) yang menjadi kepercayaan raja yang termuat gelarannya dalam Undang-undang Pelabuhan, bertarikh 1650 M yang ada dalam *Undang-Undang Kedah Versi Winstedt*.

mempunyai makna kedua iaitu satu keputusan muktamad terhadap satu pertikaian hak milik tanah dan pemilik ‘surat putus’ adalah pemilik mutlak sesuatu bidang tanah itu. Permohonan untuk mendapatkan ‘surat putus’ menjadi lumrah sebagai satu perlindungan daripada sebarang pertikaian hak milik.⁹⁶

Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar ‘surat putus’ mula dibuat dan dikeluarkan kerana tidak ada contoh ‘surat putus’ atau bukti yang ditemui sejak *Undang-undang Kedah* bahagian kedua ditulis pada tahun 1667 Masihi. Akan tetapi menurut keterangan Ismail Haji Salleh, pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa, mula dikeluarkan geran-geran tanah (surat putus) yang rasmi menggunakan ukuran-ukuran tanah yang baru diperkenalkan pada ketika itu. Geran-geran tersebut berbentuk sijil yang ditulis tangan dengan cop dan mohor sultan di atas sebelah kanan seperti geran-geran yang dikeluarkan oleh Sultan Akbar di India kepada rakyat baginda.⁹⁷

Undang-undang Kedah bahagian pertama⁹⁸ adalah berkaitan dengan pelabuhan; membuktikan bahawa ekonomi Kedah merupakan negeri yang berasaskan perdagangan berbanding dengan pertanian pada pertengahan abad ke 17. Apabila peranan Kedah sebagai tempat persinggahan perdagangan laut mula merosot, ekonomi Kedah beransur-ansur bertukar kepentingan kepada ekonomi pertanian. Sebelum inipun pertanian telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan rakyat akan tetapi tidak dijadikan asas perkembangan ekonomi negeri itu. Pertanian mula pesat sebagai asas ekonomi

⁹⁶ Lihat *Laporan Tahunan Negeri Kedah (KAR) 1327 A. H.*, hal. 14-15.

⁹⁷ Ismail Haji Salleh, “Negeri Terbuka Dagangan Murah”, hal. 14.

⁹⁸ Lihat ‘Undang-undang Pelabuhan bertarikh 1650 Masihi’ seperti yang terdapat dlm. *Undang-undang Kedah Versi Winstedt*.

negeri pada abad ke 17 dan turut mengubah permukaan geografi dan petempatan penduduk, terutama dalam abad ke 18 dan 19.⁹⁹ Kepentingan ekonomi pertanian yang semakin memuncak telah mempengaruhi pemilihan lokasi pentadbiran negeri Kedah. Pusat pentadbiran dipindahkan dari kawasan pesisir ke kawasan daratan supaya bidang pertanian dapat dimajukan. Alor Setar menjadi ibu negeri Kedah mulai 1735 Masihi. Peristiwa pemindahan pusat pentadbiran berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah II (1710M-1778M). Baginda berusaha memajukan bidang pertanian negeri Kedah.¹⁰⁰

Pada zaman ini hak memiliki tanah adalah dibolot oleh golongan bangsawan dan pembesar negeri. Petani mengerjakan tanah berasaskan kepada dua sistem iaitu ‘pawah’ dan ‘bahagi dua’.¹⁰¹ Apabila Sultan Muhammad Jiwa berpindah ke Alor Setar dan memulakan proses pembukaan wilayah ekonomi Kedah, baginda menyedari insentif untuk rakyat meneroka dan mengusahakan tanah-tanah paya perlu diberi. Pada pertengahan abad ke 18, baginda memerintahkan supaya suatu sistem pembahagian tanah kepada rakyat diwujudkan. Pada masa itu tanah-tanah yang belum diberi ‘ampun kurnia’ kepada golongan bangsawan diberi milik kepada rakyat.¹⁰² Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd. Arshad mencatatkan arahan Sultan Muhammad Jiwa seperti berikut:

“Maka pada suatu hari duli baginda yang Maha Mulia keluar ke balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan Seri Paduka Maharaja Sura dan Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Maharaja Temenggung Anggota Desa

⁹⁹ Badriyah Haji Salleh, “Sejarah Ekonomi Kedah Sehingga Kurun Ke 19” dlm. *Majlis Polemik Sejarah Malaysia*, anjuran Arkib Negara Malaysia, di Alor Setar, 9 Mei 2006, hal. 4.

¹⁰⁰ *Ibid.*, hal. 6.

¹⁰¹ Keterangan lanjut tentang sistem ini sila lihat Zaharah Mahmud, “Change in a Malay Sultanate: An Historical Geography of Kedah Before 1939”, Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, 1966, hal. 73.

¹⁰² Afifuddin Omar, “Penanaman Padi di Kedah Darulaman: Sejarah Peranan dalam Ekonomi Negeri Kedah Darulaman” dlm. Lembaga Muzium Negeri Kedah. *Dokumentasi Konvensyen Sejarah*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah, 1990, hal. 189.

dan Seri Paduka Raja Laksamana dan Seri Paduka Tuan dan Seri Maharaja Putra Dewa dan Maharaja Timbangan Warita dan Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani. Maka sekeliannya pun datang naik ke balai lalu duduk menyembah baginda. Setelah duduk berkata-kata seketika maka titah duli baginda dengan manis suaranya, “Adapun hamba persilakan mamak-mamak sekalian ialah kerana hamba ingat hendak menetapkan sukatan tanah yang hendak diberi kepada rakyat-rakyat supaya tetaplah mereka itu. Dan lagi hamba hendak tetapkan duit emas dan duit perak yang hendak dibelanjakan di dalam negeri Kedah ini”¹⁰³

Sistem ukuran tanah diselaraskan pada zaman Sultan Muhammad Jiwa untuk mengelakkan pertelingkahan di kalangan rakyat kerana *Undang-undang Kedah* tidak mencatatkan dengan khusus sistem ukuran tanah yang digunakan. Sistem ukuran tanah yang diperkenalkan itu adalah seperti berikut:

1. 5 1/2 Hasta = 1 Jemba
2. 11 Jemba = 1 Tali
3. 2 Tali = 1 Penampang
4. 1 Penampang persegi = 1 Relung
5. 1 Jemba persegi = 1 Tapak @ 1 Dapur
6. 484 Jemba persegi = 1 Relung
7. 22 Jemba X 22 Jemba = 1 Relung¹⁰⁴

Sultan Muhammad Jiwa mempunyai dua orang putera yang lebih tua daripada anak-anak baginda yang lain dengan isteri baginda dari kalangan rakyat biasa yang digelar Che' Puan. Putera baginda yang tua bernama Tengku Long Putra dan yang lebih muda bernama Tengku Anjang. Baginda melantik Tengku Long Putra menjaga hal ehwal tanah

¹⁰³ Muhammad Hassan To' Kerani Mohd. Arshad. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hal. 114-115.

¹⁰⁴ Ismail Haji Saleh, “Negeri Terbuka Dagangan Murah”, hal. 14. Lihat juga keterangan yang dibuat oleh Muhammad Hassan To' Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hal. 117.

“Akan sukatan tanah yang dipakai itu ialah, tengah enam hasta satu jemba; sebelas jemba menjadi satu tali; dua tali menjadi satu penampang; empat penampang menjadi delapan tali; yang terisi didalam empat penampang itu ialah empat ratus delapan puluh empat tapak, dan dinamakan sarelong demikianlah”.

dan diberikan kuasa mengeluarkan geran tanah (surat putus) serta menguruskan dan memberi ‘ampun kurnia’ tanah kepada rakyat untuk dibuat bendang dan kegunaan-kegunaan tanah yang lain. Tungku Anjang pula dilantik bagi menjadi ‘Raja Laut’ yang ‘memerintah segala pekerjaan laut dan pulau-pulau’.¹⁰⁵ Pelantikan Tengku Long Putra menjadi ‘Raja Tanah’ boleh diandaikan sudah mula wujud pegawai yang khas dalam menguruskan hal ehwal tanah di Kedah. Tengku Long Putra boleh dianggap sebagai ‘Pengaroh Tanah’ yang pertama pada zaman tradisional di Kedah.

Pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III (1854M-1879M), terdapat daripada kalangan penduduk daerah Yan yang menuntut agar baginda memberikan hak yang lebih kepada mereka melalui pengurangan eksploitasi sistem kerah dan memberikan lebih kuasa ke atas tanah yang diterokai. Mereka mengugut akan berhijrah ke kawasan Seberang Perai, yang pada ketika itu berada dibawah pentadbiran British, jika tuntutan mereka tidak dilayan oleh pemerintah.¹⁰⁶

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah mempersetujui tuntutan tersebut dalam bentuk memperkenalkan suatu sistem pengukuran keluasan tanah yang dipanggil relung (1 relung = 0.71 ekar) dan sukatan hasil yang dipanggil kunca, naleh, gantang, cupak dan kepol yang menjadi asas pentadbiran tanah yang baru. Rakyat diberikan hak penggunaan tanah mengikut ukuran baru yang lebih sistematik dan pengurangan tekanan sistem kerah yang dikembalikan kepada sistem asal iaitu tanah raja sahaja yang wajib mendapat tenaga buruh. Walau bagaimanapun, pengukuran keluasan tanah dan penganugerahan tanah

¹⁰⁵ Muhammad Hassan, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hal. 121.

¹⁰⁶ Affifudin Omar, “Tanah, Keterhakisan Sosial dan Ekologi” dlm. *Seminar Antarabangsa Tanah*, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 4-5 Disember 2007, hal. 7.

untuk diusahakan rakyat itu diberi secara kelompok bukan kepada individu. Sistem sukatan yang sistematik membolehkan baginda menjalankan proses kutipan cukai ripai (*capitation tax*) dengan lebih adil dan berkesan.¹⁰⁷

Menurut penyelidikan yang dibuat oleh Wan Annuar Wan Ishak, terdapat sekeping surat keterangan milik tanah yang dinamakan ‘surat putus’ dikeluarkan pada 1 Safar, 1275 Hijrah (1856 Masihi). Daripada tarikh surat putus ini maka adalah dipercayai bahawa pada masa itu peraturan-peraturan berkenaan dengan pentadbiran tanah mula diperkemas. Dalam surat putus itu ada dinyatakan bahawa sekeping tanah bendang yang luasnya 1 relung dalam Mukim Tualang telah diberikan milik kepada “Karim” dengan ditentukan keluasan tanah dan perenggan-perenggan. Surat putus itu dikeluarkan atas nama Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III, dengan dicopkan serta dimeterai ‘Duli Yang Maha Mulia Sultan’. Surat itu juga ada menyebut perkataan “Cop Wan Ibrahim”.¹⁰⁸

Surat putus tersebut tidak menyatakan bayaran hasil yang dikenakan dan tiada nombor yang terdaftar, tiada terlukis peta, dan ditulis dengan huruf jawi dengan bercampur sedikit bahasa Arab. Sepertimana yang tersebut dalam surat putus itu, perenggan-perenggan tanah ditentukan “kedudukannya membujur matahari disebelah matahari naiknya hutan palas dan disebelah matahari jatuhnya tumpu kampung serelung yang tersebut ini dan sebelah utaranya tumpu pada bendang Pumat dan disebelah selatannya tertumpu pada tanah Tok Tongsok dan matahari naik kampung serelung ini

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Wan Annuar Wan Ishak, “Sejarah Undang-undang Tanah Negeri Kedah” dlm. *Majalah Petak*, Keluaran Kedua, 1969, hal.58.

bendang yang tersebut itu matahari jatuh kampung Tok Elong diutaranya bendang Tok Wi diselatannya tanah Tok Tongsok juga”.¹⁰⁹

Individu yang bernama ‘Wan Ibrahim’¹¹⁰ yang tercatat dalam surat putus tersebut ialah anak kepada Dato’ Bendahara Seri Paduka Maharaja Sura.¹¹¹ Beliau ialah salah seorang pentadbir terkanan dalam kerajaan negeri Kedah pada ketika itu. Beliau juga ayahanda saudara kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah yang memerintah ketika itu, dari sebelah bonda sultan, iaitu Wan Massheran, yang menjadi Permaisuri Sultan Zainol Rashid Yang Pertama.¹¹² Daripada keterangan ini maka dapat diandaikan bahawa pegawai yang khusus menguruskan hal ehwal tanah negeri Kedah pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III ialah Wan Ibrahim anak Bendahara Seri Paduka Maharaja Sura.

Penghijrahan penduduk dari kepulauan Melayu yang lain seperti Kalimantan, Sumatra, Jawa dan juga dari Semenanjung Tanah Melayu seperti Kelantan, Perak, Terengganu dan Selatan Siam ke Kedah pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III berlaku dengan pesat disebabkan wujud peluang-peluang penerokaan tanah di bawah undang-undang dan peraturan baru di Kedah. Perpindahan juga berlaku dari daerah-daerah di dalam negeri Kedah sendiri. Penduduk Kedah yang tinggal di kawasan pedalaman Kedah seperti penduduk Sik, Padang Terap, Baling, Kulim dan Bandar Baru berpindah ke kawasan-kawasan yang baru dibuka, khusus yang

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Beliau juga mungkin boleh dianggap sebagai Pengarah Tanah Kedah ketika itu.

¹¹¹ Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd. Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hal. 201.

¹¹² *Majalah Petak*, hal. 59.

mempunyai terusan-terusan.¹¹³ Kemudahan pengairan dan pembaharuan¹¹⁴ yang berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III, menjadikan kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan ‘tanah’ berkembang dengan pesat di Kedah.

Menjelang kemasukan pengaruh kapitalisme, cukai langsung yang perlu dibayar kepada pemerintah ialah ‘hasil kerah’, hanya dituntut daripada kelas pekerja atau rakyat biasa. Asalnya, tiada sewa atau bayaran tahunan yang dikenakan oleh pemerintah terhadap ‘surat putus’. Idea orang Inggeris terhadap pemberian *a grant of land* sebagai satu sewa adalah asing kepada pemikiran orang Melayu.¹¹⁵ Akan tetapi pada suku terakhir abad ke-19, pengaruh ‘kapitalisme’ yang sedang melanda Asia Tenggara ketika itu telah sampai ke Kedah. Pihak pemerintah dan pentadbir Kedah perlu menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran baru yang dihadapi. Pengurusan cara lama sudah tidak relevan dengan situasi yang mencabar pada ketika itu. Pembaharuan pentadbiran perlu dilakukan termasuk dalam soal pembaharuan pengurusan dan pentadbiran tanah.

Pentadbiran Tanah , 1883- 1905

Tidak lama selepas naik takhta, Sultan Abdul Hamid memutuskan untuk mewujudkan ‘Pejabat Tanah’ dan mengutip cukai tanah. Berkaitan dengan hal ini, dua perisytiharan telah dikeluarkan. **Perisytiharan pertama** dikeluarkan pada **12 Februari, 1883** yang

¹¹³ Lihat keterangan Badriyah Haji Salih, “Sejarah Ekonomi Kedah Hingga Kurun Ke 19”, dlm. *Majlis Polemik Sejarah Malaysia Ke 21*, Anjuran Arkib Negara Malaysia, di Alor Setar, 9 Mei 2006, hal. 9 dan juga sila lihat Affifudin Omar, “Penanam Padi di Kedah: Sejarah Pertanian dalam Ekonomi Negeri Kedah” dlm. *Alor Setar 250 Tahun*, Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 1990, hal. 204.

¹¹⁴ Lihat Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd Arshad. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hal. 207-222.

¹¹⁵ *KAR 1327 A. H.* , hal.15.

mengenakan hasil terhadap semua jenis tanah persendirian dengan kadar 25 sen serelung dan mesti dibayar oleh semua penduduk Kedah. Bagi mengelakkan dicukai sebanyak dua kali, setiap rakyat yang membayar cukai tanah dikecualikan daripada menjadi buruh kerah. Rakyat yang tidak bertanah sahaja yang terlibat dengan buruh kerah.¹¹⁶

Perisytiharan kedua pula bertarikh **29 Mac, 1883** dan perisytiharan ini mengarahkan orang yang menduduki tanah tanpa mempunyai ‘surat putus’ melaporkan kepada penghulu mukim supaya tanahnya boleh diukur oleh pegawai-pegawai yang dilantik untuk tujuan itu. Satu dokumen yang dipanggil ‘surat kecil’ boleh dikeluarkan kepada tuan tanah sebagai bukti pemilikan. Perisytiharan ini menghendaki sesiapa yang ingin memiliki tanah negeri perlu mendapatkan satu ‘permit’ sebelum menduduki tanah tersebut. ‘Surat kecil’ dan ‘permit’ berasal daripada perisytiharan ini. Surat kecil ialah satu bentuk hak milik, dengan hasil tanah boleh dibayar manakala ‘permit’ pula bukanlah hak milik sama sekali, ia hanya satu kebenaran untuk menduduki tanah negeri dan sewa perlu dibayar untuk tanah itu.¹¹⁷

Pada masa dua perisytiharan tersebut dikeluarkan, sultan mendapatkan khidmat seorang kerani Melayu dari Pulau Pinang bernama Saiboo, yang menjadi asas kewujudan sistem ‘Pejabat Tanah’ di Kedah.¹¹⁸ Perisytiharan ini membawa kesan yang berganda, di mana hanya orang China, orang Melayu kelas pertengahan sahaja yang dikehendaki membayar cukai tanah, dan rakyat yang memiliki tanah kembali menjadi buruh kerah.

¹¹⁶ *Ibid.*, hal. 15.

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ *Ibid.*

Terdapat pula golongan yang dikecualikan daripada membayar cukai tanah, antara golongan tersebut ialah:

1. Orang bebas, memiliki dokumen daripada sultan yang mengecualikan mereka daripada membayar cukai tanah;
2. Semua pegawai kerajaan;
3. Penghulu;
4. Kakitangan masjid;
5. Orang nobat;
6. Orang lepau, orang yang datang ke istana mengikut giliran, menjadi penyelia istana;
7. Orang balai, orang daripada kelas pekerja yang datang ke istana untuk kerja-kerja bawahan;
8. Orang penunggu, bertugas sebagai pengawal istana; dan
9. Pemandu gajah.¹¹⁹

Ekoran daripada dua perisytiharan tersebut maka cukai tanah (hasil) mulai dilaksanakan pada tahun 1883. Sistem mengutip 'sewa' di atas tanah negeri tanpa hak milik kekal ini berkemungkinan adalah daripada kaedah lama. Perisytiharan pada 29, Mac 1883 yang dinyatakan secara khas adalah sebagai satu daya penarik kepada orang untuk mengambil 'surat kecil' (dan membayar cukai) yang mana dia dapat mengelak cukai yang diasaskan oleh adat.¹²⁰ Sewa terhadap tanah negeri berbeza dengan cukai tanah di mana semua kelas perlu membayar. Sungguhpun pada hakikat golongan atasan tidak perlu membayar cukai akan tetapi secara teori semua kelas, raja dan juga rakyat perlu membayar cukai tanah.¹²¹

¹¹⁹ *Ibid.*, hal. 16.

¹²⁰ *Ibid.*

¹²¹ *Ibid.*

Akan tetapi tidak lama kemudian, periistiharan pertama dibatalkan dan digantikan dengan perisytiharan (pindaan) yang baru. Pembatalan dibuat akibat tekanan daripada kerabat di raja, syed-syed dan orang daripada keturunan baik-baik yang tidak bersedia membayar cukai tanah. Di samping itu, rakyat yang dikecualikan daripada buruh kerah membantah kerana terpaksa melakukan pembayaran cukai. Perisytiharan (pindaan) ini bertarikh **22 Julai 1887**, yang menyatakan “tiada cukai patut dibayar oleh sesiapa, raja, syed, orang daripada keturunan baik-baik, haji, lebai ataupun rakyat.”¹²²

Wan Mat Saman bin Wan Ismail yang memegang jawatan Perdana Menteri Kedah bersama-sama dengan Tunku Yaakop pada ketika itu mempunyai tugas yang berat. Antara tugas-tugas beliau ialah penasihat, pentadbir, malah sebagai hakim dalam perbicaraan di Mahkamah Balai Besar.¹²³ Walau bagaimanapun bidang tugas utama ialah menguruskan hal ehwal tanah dengan dibantu oleh Cik Barmawi serta pembantu yang terdiri daripada beberapa orang kerani.¹²⁴ Selepas kemangkatan Tunku Yaakob, Wan Mat Saman bin Wan Ismail menjadi Perdana Menteri bersama-sama dengan Tunku Abdul Aziz iaitu adinda Sultan Abdul Hamid.¹²⁵

Hasil tanah (cukai tanah dan sewa tanah) di Kedah telah dikutip dalam keadaan yang sangat sukar. Pada Mac 1892, tunggakan hasil amat besar sehingga sultan terpaksa melupuskan semua tunggakan hasil tersebut dengan harapan supaya pemilik tanah dan penyewa tanah dapat memulakan pembayaran hasil yang baru. Pelupusan tunggakan ini

¹²² *Ibid.*, hal. 15-16.

¹²³ Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH), Surat kepada konsul Siam di Pulau Pinang, 25 Muharram 1306H (1 Oktober 1888).

¹²⁴ SMSAH, Surat kepada konsul Siam di Pulau Pinang, 2 Zulkaedah 1305H (11 Ogos 1888).

¹²⁵ Mohd Isa Othman, 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681 – 1942*, hal. 39.

tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Sepuluh tahun kemudian iaitu pada Jun 1902, satu lagi pelupusan untuk tunggakan hasil selama enam tahun telah diberikan. Kesan terhadap tindakan ini juga amat mengecewakan dan keadaan *rent-rolls* adalah jauh daripada memuaskan.¹²⁶

Salah satu surat keterangan tanah terkemudian daripada surat putus 1275 Hijrah yang dapat dikesan ialah sekeping surat putus yang bertarikh 1 Jamadilawal 1305 Hijrah (14 Januari 1888). Surat putus yang ditemui itu mempunyai nombor 424, yang dikeluarkan atas nama Sultan Abdul Hamid, yang diberikan kepada Lebai Sallleh bin Kassim, dibeli daripada khadam Wan Hajar bonda sultan, dalam mukim Kota Setar, daerah Seberang Perak bagi maksud bendang dan kampung seluas 21 relung 365 jamba 40 kaki. Harga “pada serelung dua rial sembilan puluh enam duit”. Perenggan-perenggan tanah ditentukan dan peta rupa tanah itu juga dilukiskan dibelakang surat putus itu. Dalam surat putus tersebut tidak dituliskan hasil, masih ditulis dengan tangan huruf jawi bercampur sedikit dengan perkataan Arab. Harga tanah dipertetapkan dan peta kasar dilukiskan iaitu dua perkara yang tidak dimuatkan dalam surat putus tahun 1275 Hijrah. Cara menentukan perenggan-perenggan tanah masih lagi dibuat dengan cara yang lama.¹²⁷

Pentadbiran Tanah, 1905-1909

Sebuah Majlis Negeri (*State Council*) telah ditubuhkan pada 23 Julai, 1905 berdasarkan kepada ‘Pengisytiharan Di Raja’ yang dibuat oleh Sultan Abdul Hamid Halim Syah.

¹²⁶ *KAR 1327 A. H.* , hal. 8-9

¹²⁷ *Majalah Petak*, hal. 60.

Pembentukan Majlis Mesyuarat Negeri Kedah tersebut bertujuan membantu sultan dalam semua hal ehwal pentadbiran awam. Perancangan penubuhan Majlis Negeri telah diuruskan oleh W. J. F. Williamson, Penasihat Kewangan Kerajaan Siam. Pada 18 September, 1905 G. C. Hart telah sampai ke Kedah bagi menjawat jawatan sebagai Penasihat Kewangan Negeri Kedah. W. J. F. Williamson kembali ke Bangkok sejeurus selepas tugasnya memperkemaskan pentadbiran kerajaan Kedah selesai.¹²⁸ Penubuhan Majlis Negeri adalah ekoran daripada perjanjian pinjaman¹²⁹ yang telah ditandatangani oleh negeri Kedah dengan Siam di Bangkok pada 12 Zulhijjah, 1323 Hijrah (16 Jun, 1905). Jumlah wang yang dipinjam oleh kerajaan Kedah daripada kerajaan Siam ialah sebanyak 2.6 juta ringgit dengan kadar faedah sebanyak 6 peratus setahun.¹³⁰

Majlis Negeri telah menyusun semula struktur pentadbiran negeri Kedah. Struktur pentadbiran yang telah mengalami pembaharuan itu adalah mencontohi amalan seperti yang terdapat di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu secara berjabatan.¹³¹ Di Alor Setar, ditubuhkan jabatan-jabatan utama yang menjadi ibu pejabat untuk mentadbir seluruh Kedah. Manakala bagi peringkat daerah, ditubuhkan pejabat-pejabat cabang yang bertanggung jawab kepada ibu pejabat di Alor Setar. Di antara jabatan-jabatan yang ditubuhkan atau diperkemas semula ialah kehakiman, perbendaharaan, polis, pelabuhan,

¹²⁸ *KAR 1327 A.H.*, hal. 9-10.

¹²⁹ Bagi mengetahui dengan mendalam sebab-sebab kerajaan Kedah membuat pinjaman sila lihat bab 3 yang bertajuk "The Financial Problems of Kedah", dlm. kajian yang dilakukan oleh Sharom Amat, *op. cit.*, hal. 46-74. Lihat juga rencana Syed Mohammed Syed Hassan Shahabudin & M. G. Knowles, "The Three Million Dolar Wedding" dlm. *Malaya in History*, Vol. IV, July 1958, hal. 10-12. Lihat juga *KAR September 1905 – August 1906*, hal. 7-9.

¹³⁰ Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib. *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah*, Alor Setar, 1911, hal. 17.

¹³¹ *KAR 1327 A.H.*, hal. 13.

audit dan tanah. Di peringkat daerah, antara pejabat-pejabat yang telah distruktur semula ialah ‘Pejabat Daerah’ dan ‘Pejabat Tanah’.¹³²

Pada waktu Majlis Mesyuarat Negeri ditubuhkan pada 1323 Hijrah (1905)¹³³, Pengarah Tanah¹³⁴ Kedah belum menjadi sebahagian daripada ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan hanya pada tahun 1325 Hijrah (1907) barulah Pengarah Tanah Kedah, Syed Mansor bin Syed Mohammad Aljefri dilantik sebagai ahli majlis.¹³⁵ Di bawah seliaan Pengarah Pejabat Tanah, terdapat sembilan Pejabat Tanah yang digunakan sebagai pusat mengutip hasil tanah dan tempat memproses permohonan tanah. Hasil tanah yang dikumpulkan pada tahun 1325 Hijrah (1907) ialah sebanyak \$154,530. Perincian hasil yang dikutip daripada setiap Pejabat Tanah ialah seperti berikut; Siputeh \$13,308; Alor Setar \$47,480; Kuala Muda \$35,145; Kulim \$41,336; Krian \$6,337; Langkawi \$1,358; Sungai Korok \$2,698; Alor Chanteh \$2,405; dan Sungai Limau \$4,463.¹³⁶

Pada 29 Jamadilakhir, 1324 Hijrah (19 Ogos 1906) telah digubal satu undang-undang tanah yang dinamakan *Enakmen Tanah Kedah 1/1324* yang terdiri daripada 36 Fasal. Enakmen yang bertarikh 20 Ogos, 1906 ini membahagikan tanah dalam negeri Kedah dalam 3 kelas iaitu tanah bandar, tanah kampung tidak melebihi 20 relung dan tanah kampung melebihi 20 relung.¹³⁷ Tanah bandar hanya boleh dimiliki dibawah *grant*

¹³² M. D. Nor Hashim, “Sejarah Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah Dari Awal Hingga Merdeka”, Latihan Ilmiah, UKM, Bangi, hal. 34-35.

¹³³ Pada masa penubuhan, ahli-ahli Majlis Negeri terdiri daripada Raja Muda sebagai Presiden, G. C. Hart (Penasihat Kewangan Kedah), Che Muhamad Ariffin (Setiausaha Sultan), Tuan Syed Abdullah Almahadali (Bendahari Negeri) dan Tuan Haji Ahmad (Hakim Besar).

¹³⁴ Ketika itu dikenali sebagai ‘Kepala Pekerjaan Tanah’

¹³⁵ Wan Yahaya Wan Muhamad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah*, hal. 19.

¹³⁶ *KAR September 1906 – February 1908*, hal. 16.

¹³⁷ Lihat Fasal 5, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

dan pemilik (tanah dalam kawasan bandar) dikehendaki membahagikan tanah kepada lot-lot, dan mendapatkan hak milik yang berasingan bagi setiap lot dan membayar sewa untuk setiap lot.¹³⁸ Berhubung dengan tanah luar bandar tidak melebihi 20 relung, seorang pemohon boleh mendapatkan ‘permit’ yang membenarkan pemohon mengerjakan tanah selama tiga tahun. Sebaik sahaja membayar sewa pada kadar 20 sen serelung; dan apabila tamat tempoh tiga tahun, atau pada sebarang masa sepanjang tiga tahun, pemegang permit boleh diberi *grant* untuk kawasan yang telah dia usahakan.¹³⁹

Sewa atas *grant* dinaikkan pada kadar 25 sen serelung, termaktub dalam Perisytiharan 1883, kepada satu kadar 50 sen serelung untuk kampung, dusun dan perladangan, dan satu kadar untuk bendang 50 sen serelung dalam mukim hampir dengan pantai dan 30 sen serelung di kawasan pedalaman; dan kerajaan diberi kuasa untuk mengkaji sewa tersebut setiap lima tahun.¹⁴⁰ Enakmen menghendaki semua pemilik tanah yang mempunyai dokumen hak milik, membayar hasil tanah, kecuali pemilik tanah yang mempunyai dokumen daripada sultan yang mengecualikan mereka daripada pembayaran cukai tanah¹⁴¹. Pengecualian pembayaran cukai tanah juga diberikan kepada kerabat di raja (pemerintah)¹⁴². Akan tetapi semua pengecualian pembayaran hasil tanah tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu.

¹³⁸ Keterangan lanjut sila lihat Fasal 12, Fasal 13, Fasal 14 dan Fasal 15, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

¹³⁹ *KAR 1327 A. H.*, hal.16. Keterangan lanjut lihat Fasal 16, Fasal 17, Fasal 18 dan Fasal 19, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

¹⁴⁰ *Ibid.*, Keterangan lanjut lihat Fasal 20 dan Fasal 21, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

¹⁴¹ Lihat Fasal 7, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

¹⁴² Lihat Fasal 34, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

Berkaitan dengan tanah berkeluasan melebihi 20 relung, enakmen menentukan bahawa 'permit' boleh diberi selama dua tahun untuk penanaman ubi kayu, enam tahun untuk penanaman getah dan kelapa, yang kemudian boleh ditukargantikan untuk *grant* bagi kawasan yang sebenar yang telah diusahakan.¹⁴³ Bagaimanapun peruntukan bahagian ini sering diabaikan dan satu 'surat putus' telah dikeluarkan dalam *first instance* (kejadian pertama selaras dengan sistem lama) untuk sejumlah kawasan yang dikehendaki oleh pemohon.¹⁴⁴ Terdapat satu lagi kumpulan tanah yang diberi kepada rakyat asing dengan pajakan selama 99 tahun tetapi tertakluk kepada syarat yang diputuskan oleh kerajaan Kedah.¹⁴⁵

Malangnya, Sultan Abdul Hamid enggan menandatangani *Enakmen Tanah Kedah 1/1324* tersebut setelah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri.¹⁴⁶ Keengganan sultan ada dua sebab, pertama kerana enakmen mengenakan semula cukai tanah kepada seluruh kelas, dari raja-raja hingga kepada pemandu gajah yang sehingga ketika itu dikecualikan daripada cukai; dan kedua, pembayaran cukai, menyebabkan rakyat secara automatik dikecualikan daripada menjadi buruh kerah.¹⁴⁷ Enakmen ini hanya ditandatangani oleh Sultan Abdul Hamid atas daya usaha George Maxwell, Penasihat British yang dihantar ke Kedah ekoran penyerahan kedaulatan Kedah kepada British oleh Siam pada tahun 1909.¹⁴⁸

¹⁴³ Lihat Fasal 22, Fasal 23 dan Fasal 24, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*.

¹⁴⁴ *KAR 1327 A. H.*, hal. 17.

¹⁴⁵ Lihat Fasal 27 & Fasal 28, *Enakmen Tanah Kedah 1/1324*. Lihat juga Mohd. Isa Othman. *Zaman Penjajahan British: Pengalaman Kedah & Perlis*, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2001, ,hal. 213 serta *KAR 1327 A. H.*, hal 17.

¹⁴⁶ Tiada sebarang undang-undang yang ditandatangani oleh sultan sehingga penyerahan kedaulatan Kedah kepada British oleh Siam pada 1909.

¹⁴⁷ *KAR 1327 A. H.*, hal. 17.

¹⁴⁸ Mohd Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, hal. 109 & hal. 75.

Sekeping contoh surat putus, yang dikeluarkan dibawah *Enakmen Tanah Kedah 1/1324* telah ditulis dengan huruf jawi tetapi tiada bercampur bahasa Arab lagi seperti surat putus tahun 1275 Hijrah dan tahun 1305 Hijrah. Perbezaan lain ialah tercatat harga tanah dan belanja sukat, tetapi tentang hasil tanah masih tidak tercatat lagi. Oleh itu, tidak dapat dipastikan sama ada hasil tanah dikenakan atau tidak bagi tanah ini. Cara bagi menentukan sempadan tidak sulit kerana tanah ini terletak dalam pekan untuk mendirikan “sepintu rumah batu”. Peta kasar ada terhias dibelakang surat putus tersebut dan sungguhpun ada tersebut “Lot Nombor” di kepala surat putus tetapi tiada dinyatakan nombor itu. Perubahan yang lain ialah dalam surat putus tersebut ada tersebut nama ketua pentadbir tanah iaitu “Tuan Syed Mansor bin Syed Mohammad Aljefri, yang beroleh kuasa dalam pekerjaan tanah Negeri Kedah”, tetapi belum ada cap jawatan lagi, dan Tuan Syed Mansor bin Syed Mohammad Aljefri tidak menurunkan tandatangan dalam surat putus tersebut.¹⁴⁹

Menjelang tahun 1909, ‘Jabatan Ukur’ masih lagi menjadi cawangan kepada ‘Pejabat Tanah’. Di ibu pejabat di Alor Setar, terdapat dua hingga tiga orang yang mahir menggunakan *theodolite*¹⁵⁰ dan pekerja yang lain ialah *demarcators*¹⁵¹ yang bekerja menggunakan *prismatic compass*. *Demarcators* juga ada ditempatkan di semua ‘Pejabat Tanah’ cawangan di daerah-daerah. Jabatan perlombongan yang terdapat di Kedah juga pernah menjadi sebahagian daripada ‘Pejabat Tanah’ dan berada dibawah seliaan Tuan Syed Mansor bin Syed Mohammad Aljefri, Pengarah Tanah. Akan tetapi pada awal tahun 1325 Hijrah (1907), F. P. Clark daripada Jabatan Lombong Di Raja Siam telah

¹⁴⁹ *Majalah Petak*, hal 61.

¹⁵⁰ Alat yang digunakan untuk sukat sudut.

¹⁵¹ Penyukat sempadan.

datang ke Kedah dan mengambil alih tugas ‘Jabatan Perlombongan Kedah’ dan juga perlombongan di Raman. Gaji dan elaun perjalanan F. P. Clark dibayar oleh kedua-dua kerajaan, Kedah dan Raman.¹⁵²

Sebelum 1909, penubuhan Pejabat Tanah tidak semesti mengikut daerah. Pejabat Tanah ditubuhkan mengikut keperluan setempat. Dalam sesuatu daerah, jika urusan tanah amat sibuk maka akan ditubuhkan lebih daripada sebuah Pejabat Tanah, sebaliknya daerah yang urusan tanahnya tidak banyak, kemungkinan pejabat itu tidak ditubuh langsung. Daerah Kota Setar pernah mempunyai empat buah pusat pentadbiran tanah; di Alor Changleh, Sungai Korok, Simpang Empat dan Alor Setar sendiri. Hal ini tidak menghairankan kerana daerah Kota Setar merupakan kawasan padi yang luas, yang memerlukan pentadbiran tanah yang efisien. Pada masa yang sama, Daerah Padang Terap tidak mempunyai walaupun sebuah Pejabat Tanah. Ini terjadi kerana kawasan tersebut merupakan kawasan hutan belantara yang tebal.¹⁵³ Selain daripada empat buah Pejabat Tanah di atas, sebelum 1909 terdapat enam buah lagi Pejabat Tanah di Kedah iaitu Siputeh, Kuala Muda, Kulim, Krian, Langkawi dan Sungai Limau.¹⁵⁴

Penutup

Menjelang penyerahan kedaulatan Kedah kepada British oleh Siam, pentadbiran tanah di Kedah telahpun mantap untuk sekurang-kurangnya pada ketika itu. Kedah telahpun mempunyai Pejabat Tanah, pegawai-pegawai yang khusus menguruskan hal ehwal tanah

¹⁵² *Ibid.*, hal. 18.

¹⁵³ M. D. Nor Hashim, “Sejarah Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah: Dari Awal Hingga Merdeka”, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, tanpa tarikh, hal. 64.

¹⁵⁴ *KAR September 1906 – February 1908*, hal. 16.

di peringkat negeri serta cawangan dan yang paling penting negeri Kedah telah mempunyai undang-undang tanah yang boleh dikatakan agak 'moden' jika dibandingkan dengan undang-undang tanah tradisional. Undang-undang tanah yang telah digubal itu telah divedok daripada Negeri-negeri Melayu Bersekutu akan tetapi telah disesuaikan dengan keperluan negeri dengan kehendak pemerintah Kedah sendiri. Pada 10 Mac, 1909 telah termeterai Perjanjian Inggeris-Siam¹⁵⁵ dan melalui perjanjian ini, kedaulatan Kedah telah diserahkan kepada British oleh Siam. Pada ketika berlaku pemindahan kedaulatan ini, Kedah sedang dilanda angin perubahan dalam pelbagai perkara termasuk dalam soal pengurusan tanah. Kehadiran British kemudiannya hanya mengemaskinikan pentadbiran yang sudah berubah itu agar bertambah mantap sesuai dengan perkembangan pesat kapitalisme pada ketika itu.

¹⁵⁵ *Lihat KAR 1327 A. H.* , hal. 10.